Hujung Minggu
ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah An-Nisa, ayat 58.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.10 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.11 | ISYAK 7.20
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 119 | 4 OKTOBER 2025 / 1447 ربيع الأخير 12 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA




IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

# PENTINGNYA KERJASAMA BERTERUSAN, MEMPERKUKUH KEKUATAN EKONOMI



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) Ke-416 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) Ke-194 bagi Suku Ketiga Tahun 2025. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.**

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi tadi berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) Ke-416 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) Ke-194 bagi Suku Ketiga Tahun 2025.

Mesyuarat tersebut berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

>> Muka 3

# Perutusan tahniah sempena National Foundation Day Republik Korea

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae Myung, kerajaan dan rakyat Republik Korea bersempena dengan National Foundation Day negara tersebut.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae Myung.**

## Berita Utama



MEMPERKUKUH pemahaman terhadap strategi ketenteraan, keselamatan, landskap operasi

Muka 7



MAJLIS Kesyukuran sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas

Muka 11



PLATFORM memupuk hubungan kukuh saling memanfaatkan kerjasama

Muka 18



RENCANA

BANDAR Seri Begawan : Saksi pelbagai perubahan, mampan mendepani cabaran

Muka 27

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

# Warga PA tulang belakang jayakan segala rancangan kesejahteraan rakyat, kestabilan negara

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**BETA** bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat berhimpun di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025 pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga PA yang terus bertanggungjawab menyumbangkan bakti kepada bangsa dan negara.

Kita mengambil perhatian bahawa dunia adalah semakin cepat berubah sehingga apa yang kita ada sebelumnya mungkin tidak relevan lagi pada hari ini.

Begitulah juga dengan cabaran ekonomi global, dengan mengambil kira perubahan iklim dan risiko kesihatan awam yang sukar diramal serta corak pekerjaan yang berubah akibat kemajuan teknologi.

Ini termasuklah demografi negara yang berubah, dengan penuaan penduduk dan aspirasi generasi muda yang semakin berbeza.

PA perlu peka terhadap cabaran-cabaran ini dan mesti bersifat tangkas dalam mengemas kini dasar, proses dan perkhidmatan untuk masa depan. Ketangkasan inilah yang menentukan sama ada kita mampu merebut peluang di sebalik setiap cabaran.

Sesungguhnya dalam setiap ujian, Allah Subhanahu Wata'ala telah menyediakan peluang untuk kita dapat berkembang dan maju. Malah dalam setiap kesukaran pasti ada kemudahan menurut Al-Quran.

Di peringkat individu, setiap penjawat awam mesti tangkas dalam melaksanakan tugas, dan juga perlu memahami objektif sebenar kita berkhidmat untuk bangsa dan negara. Kita tidak mahu sebarang kepincangan berlaku dalam PA negara.

Kita mengakui bahawa apabila kerumitan menjadi realiti, tidak ada satu agensi pun yang mampu menyelesaikan cabaran secara bersendirian. Tiada agensi tunggal yang memonopoli pengetahuan atau kepakaran.

Lalu dalam Islam, kita telah diajar untuk saling tolong-menolong dan bekerjasama. Sesungguhnya kerjasama itu adalah kunci utama untuk mencapai apa jua matlamat yang disasarkan.

Sehubungan ini, beta gembira mengetahui adanya inisiatif 'Pemedulian' telah diperkenalkan. Harapan beta, inisiatif ini bukan setakat untuk mempercepatkan tindakan susulan terhadap aduan dan maklum balas rakyat, malah juga menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan minda dalam PA.

Warga PA juga, perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi kerana pendekatan seperti ini sudah terbukti mempermudah kerja dan seterusnya memberikan ruang kepada penjawat awam untuk memfokus tugas-tugas teras yang sangat perlu.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025 pada Isnin, 7 Rabiulakhir 1447 Hijrah / 29 September 2025 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Beta mahu, apa pun yang dilalui dalam PA akan dapat menjadi sandaran, bukan sahaja untuk memenuhi kehendak masa kini, malah juga sebagai asas melaksanakan transformasi yang diperlukan dan sekali gus merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

**>> Muka 6**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | SABTU | 12 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.11 | 7.20 |
| 5 | AHAD | 13 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 6 | ISNIN | 14 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 7 | SELASA | 15 | 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 8 | RABU | 16 | 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 9 | KHAMIS | 17 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 10 | JUMAAT | 18 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.23 | 6.08 | 7.18 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 24 °C | 33 24 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 24 °C | 33 24 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 24 °C | 33 24 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 33 24 °C | 33 24 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG
4 OKTOBER 2025

### Mensyukuri pekerjaan yang diamanahkan

**DALAM** era ekonomi yang semakin tidak mencabar dengan berita mengenai potensi kenaikan harga barangan secara am, serta ketidakstabilan pasaran kerja, memiliki sebuah pekerjaan adalah suatu nikmat yang tidak boleh disia-siakan. Ramai yang sibuk membandingkan nasib, merungut tentang bebanan kerja, dan mengimpikan kerjaya lain yang dianggap lebih sempurna. Namun, dalam keadaan yang mencabar ini, sikap bersyukur atas pekerjaan sedia ada adalah perisai dan penenang jiwa yang paling berkesan.

Bersyukur tidak bermakna kita berpuas hati atau berhenti untuk berkembang. Sebaliknya, ia adalah pengiktirafan terhadap peluang dan sumber pendapatan yang kita miliki pada saat ramai lagi yang masih berusaha mencari rezeki. Setiap gaji yang diterima, walau besarnya, adalah penjamin kepada keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan anak-anak. Dalam kekalutan ekonomi, memiliki pekerjaan yang stabil memberikan satu bentuk keselamatan yang sangat berharga.

Kerja yang ada juga adalah medan untuk kita terus belajar dan membina ketahanan. Setiap cabaran di pejabat, setiap projek yang sukar, dan setiap interaksi dengan rakan sekerja sebenarnya mengasah kemahiran dan membentuk kita menjadi lebih profesional dan tabah. Kemahiran inilah yang akan menjadi modal berharga untuk terus relevan dan kompetitif, tidak kira bagaimana keadaan ekonomi pada masa hadapan.

Mensyukuri kerja juga membawa ketenangan minda. Apabila kita fokus pada apa yang ada, bukannya pada apa yang tidak ada, tekanan dan keresahan mula berkurangan. Kita mula melihat peluang dalam setiap tugas dan berusaha untuk memberikan yang terbaik. Sikap positif ini bukan sahaja meningkatkan kualiti kerja malah sering menarik lebih banyak peluang dan keberkatan.

Oleh itu, marilah kita mengalihkan fokus daripada kekurangan kepada kelimpahan yang telah diberikan. Hargai setiap hari kita mempunyai tempat untuk bekerja, rakan sekerja untuk bekerjasama, dan peluang untuk menyumbang. Dalam ekonomi yang mencabar, sikap syukur ini bukan sekadar nasihat moral, tetapi merupakan strategi praktikal untuk kekal teguh, produktif, dan tenang menghadapi masa depan. Perlu juga diingat bahawa setiap pekerjaan atau jawatan yang dipertanggungjawabkan itu adalah amanah yang wajib dipikul dan dilaksanakan dengan sempurna, bukan dibuat sambil lewa dan diambil mudah. Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 27: "*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui salahnya*". **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Pentingnya kerjasama berterusan, memperkukuh kekuatan ekonomi





**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) Ke-416 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) Ke-194 bagi Suku Ketiga Tahun 2025 (kiri dan kanan).**

**>> Muka 1**

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli - ahli Lembaga Pengarah BSP dan BSM.

Pada mesyuarat berkenan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah penutup bagi menamatkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat-Syarikat Brunei Shell Joint Venture dan Syarikat Brunei Gas Carriers bagi Suku Ketiga Tahun 2025.

Baginda menekankan kepentingan kerjasama berterusan antara lembaga pengarah, pengurusan dan pemegang saham, kecekapan beradaptasi dan daya ketahanan dalam memposisikan syarikat-syarikat untuk mencapai kejayaan yang berterusan.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin**

Baginda turut menegaskan peranan penting syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Venture dalam menyokong ketahanan tenaga, memperkukuh kekuatan ekonomi serta memacu pembangunan jangka panjang Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat juga membincangkan perkara-perkara penting seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan dan pembangunan tenaga manusia, serta strategi jangka panjang BSP dan BSM bagi tahun-tahun akan datang.

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan bacaan doa dan juga dihadiri oleh pihak - pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Shell plc serta ahli-ahli kepimpinan daripada BSP dan BSM.

Mesyuarat tersebut menandakan berakhirnya sesi Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah - pengarah Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Venture bagi Suku Ketiga Tahun 2025.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra pada majlis berkenaan (atas).**





**MESYUARAT dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Shell plc serta ahli-ahli kepimpinan daripada BSP dan BSM (kiri dan kiri sekali).**

# MEMPERKUKUH KEWASPADAAN ASPEK KESELAMATAN, MEMACU PENAMBAHBAIKAN ORGANISASI



**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin**



**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali SaifuddienSa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-227 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-113 bagi Suku Ketiga Tahun 2025 (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-227 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-113 bagi Suku Ketiga Tahun 2025.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat BLNG Ke-227 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat BGC Ke-113.**

Mesyuarat tersebut berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM,Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BLNG dan BGC.

Pada permulaan mesyuarat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah di mana baginda menekankan kepentingan memperkukuh kewaspadaan terhadap aspek keselamatan, memacu penambahbaikan organisasi yang mampan, serta mengekalkan tumpuan dalam bulan-bulan yang mendatang.

Baginda turut menegaskan keperluan untuk mengekalkan piawaian keselamatan dan pengawasan aset yang tertinggi, memastikan pelaksanaan yang berdisiplin, serta mengamalkan perancangan berwawasan ke hadapan bagi memelihara dan memperkukuh dayatahan jangka panjang syarikat.

Mesyuarat juga membincangkan perkara-perkara penting seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan dan pembangunan tenaga manusia, serta strategi jangka panjang bagi BLNG dan BGC.

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan bacaan doa dan juga dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Shell plc dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli kepimpinan daripada BLNG dan BGC.

Kebawah DYMM seterusnya akan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-416 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-194 bagi Suku KetigaTahun 2025, esok.





**SEKITAR keberangkatan baginda semasa mesyuarat yang diadakan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (atas dan kanan).**

# PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA DAY OF GERMAN UNITY

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Federal Presiden, Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier dan Federal Chancellor, Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Friedrich Merz.**







**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Federal Presiden, Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier dan Federal Chancellor, Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Friedrich Merz, kerajaan serta rakyat Republik Persekutuan Jerman bersempena dengan Day of German Unity.

## DPMM berkenan menerima mengadap



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong (atas dan kanan).**



**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), pagi ini berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong dan menghoskan Majlis Santap Tengah Hari sempena lawatan pengenalan Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong dan delegasi berada di negara ini bagi mengadakan lawatan selama dua hari untuk berbincang dan menerokai peluang-peluang kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan ke arah memperkukuhkan lagi kerjasama ekonomi antara NBD dan Republik Singapura.

NBD juga akan menjadi hos kepada Program Pemimpin - pemimpin Muda Ke-11 pada tahun ini, yang merupakan sebuah platform dua hala yang penting, di mana golongan belia daripada kedua-dua buah negara diberi peluang untuk bekerjasama secara membina dalam usaha membentuk mereka menjadi pemimpin masa depan yang berdaya saing dan berkemahiran.

Menyertai TYT Gan Kim Yong ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay dan Ketua Pengarah (Asia, Timur Tengah dan Afrika), Kementerian Perdagangan dan Industri, Mr. Adrian Ng.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos. Majlis-majlis tersebut telah berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

# Kekerapan kejadian ribut petir dijangka berlaku

**Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan mula memasuki tempoh monsun peralihan, iaitu satu tempoh peralihan selepas Monsun Barat Daya dan sebelum memasuki Monsun Timur Laut, pada minggu pertama Oktober ini.

Tempoh peralihan berkenaan dijangka akan berterusan sehingga penghujung November 2025. Sepanjang tempoh monsun peralihan, kesan angin tempatan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cuaca harian negara kita.

Berdasarkan rekod klimatologi, kekerapan kejadian ribut petir adalah tertinggi semasa tempoh monsun peralihan jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain. Manakala purata hari-hari berhujan bagi Oktober ialah 21 hari dan bagi November ialah 22 hari.

Sepanjang tempoh berkenaan, negara kita pada lazimnya mengalami keadaan cuaca cerah pada waktu pagi dan hujan berasingan berkemungkinan berlaku di kawasan pesisiran sekitar tengah hari, kejadian ribut petir terutamanya berlaku di kawasan pedalaman pada sebelah petang dan merebak serta menjejaskan kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam dan kadang kala berlanjutan sehingga awal pagi keesokan hari.

Keadaan angin bertiup perlahan dari pelbagai hala pada waktu pagi dan malam, dan dari arah Barat Laut pada waktu petang dan keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit.

Berdasarkan model ramalan daripada pusat - pusat iklim antarabangsa, terdapat kemungkinan (peluang 71 peratus) fenomena La Niña akan terbentuk di Lautan Pasifik antara Oktober 2025 hingga Disember 2025.

Pada lazimnya, salah satu impak fenomena La Niña terhadap NBD adalah keadaan yang lebih lembap daripada biasa, dengan peningkatan jumlah aktiviti dan turunan hujan berbanding jumlah purata.

Berikut adalah ramalan dan anggaran jumlah turunan hujan bermusim bagi Oktober hingga Disember 2025, iaitu Oktober 2025, ramalan tinjauan bermusim sedikit atas normal dengan anggaran jumlah turunan hujan adalah sebanyak 380 milimeter

>> Muka 8

# JPMC SERAH SUMBANGAN BAGI MEMPERKASA PENDIDIKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyerahkan cek replika kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan secara rasmi bagi Program Ri'ayah Wa Mahabbah.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**JERUDONG**, Rabu, 1 Oktober. - Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Center - JPMC) hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan dan Penghargaan Penaja yang menandakan berakhirnya International Nurses and Midwives Day (INMD) 2025 yang berlangsung di Dewan Kuliah, Aras RF, Bangunan PJSC.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan sumbangan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Turut hadir menyaksikan penyerahan tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh bersama Ahli Lembaga Pengarah JPMC, Pengurusan Kanan Kementerian Pendidikan dan JPMC, para pelajar serta wakil daripada Program Ri'ayah Wa Mahabbah dan para tetamu jemputan.

Majlis dimulakan dengan baca Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Kejururawatan, JPMC, Chung Yea Fui yang mana menyatakan penghargaan kepada semua penyumbang dan menekankan kepentingan inisiatif tersebut.

Majlis juga menyaksikan penyampaian cek replika yang diserahkan oleh tetamu kehormat dan diterima oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan secara rasmi kepada Program Ri'ayah Wa Mahabbah. Majlis tersebut turut diserikan dengan tayangan video penghargaan serta penyampaian sijil kepada para penaja.

Sambutan INMD pada tahun ini selaras dengan tema global iaitu 'Our Nurses, Our Future: Caring for Nurses Strengthens Economies' yang menghargai dedikasi para jururawat dan bidan sambil menekankan komitmen JPMC terhadap penjagaan holistik dan tanggungjawab sosial.

Selaras dengan tema tersebut, Kempen INMD tahun ini menampilkan dua program kebajikan utama iaitu 'Move for Hope', Acara Aerobik dan Zumba serta 'Spin for Hope', Sesi Berbasikal Statik sebagai acara kemuncak sepanjang sambutan sebulan ini.

Hasil daripada inisiatif ini disalurkan untuk meningkatkan peluang dan sumber pendidikan bagi pelajar di bawah Program Ri'ayah Wa Mahabbah, iaitu sebuah program di bawah Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, menyokong pelajar yang menghadapi cabaran untuk hadir dan memberi tumpuan di sekolah termasuk kekangan sosioekonomi.

# Gleneagles JPMC lancar Kempen Kesedaran Acute Myocardial Infarction

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**JERUDONG**, Rabu, 1 Oktober. - Dalam usahanya untuk meningkatkan kesedaran tentang tanda-tanda awal serangan jantung serta mengetengahkan penambahbaikan dalam laluan rawatan serangan jantung di Negara Brunei Darussalam (NBD), Gleneagles JPMC hari ini melancarkan Kempen Kesedaran Acute Myocardial Infarction (AMI).

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada acara yang berlangsung di The Empire Brunei.

Acara ini menghimpunkan para pemimpin penjagaan kesihatan, perkhidmatan perubatan kecemasan serta pakar kardiologi, dalam usaha menegaskan komitmen negara untuk menyelamatkan nyawa melalui rawatan jantung yang pantas dan bersepadu.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Gleneagles JPMC, pegawai dari Kementerian Kesihatan dan sektor swasta serta pengurusan dan kakitangan Gleneagles JPMC.

Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay semasa berucap pada majlis tersebut berkata bahawa selama bertahun-tahun, komitmen mereka adalah untuk memberikan penjagaan terbaik kepada setiap pesakit yang datang ke hospital mereka, namun rawatan sahaja tidak mencukupi. Kesihatan jantung memerlukan kerjasama yang kukuh, intervensi yang tepat pada masanya dan kesedaran menyeluruh dalam komuniti.




KETUA Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay semasa berucap pada majlis tersebut.

"Di Gleneagles JPMC, kami juga sedang berusaha gigih untuk membangunkan NBD sebagai hab serantau bagi penjagaan jantung, meletakkan negara ini sebagai destinasi dipercayai untuk pesakit dari seluruh rantau yang mencari rawatan kardiologi berkualiti tinggi," tambahnya.

Pada tahun 2024, penyakit kardiovaskular telah meragut 572 nyawa di negara ini, dengan lebih separuh daripada kematian ini berlaku secara pramatang.

Untuk menangani isu ini, Gleneagles JPMC, sebagai satu-satunya pusat pakar jantung di negara ini, bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan dan Perkhidmatan Ambulans Kecemasan dan Perubatan (EMAS) bagi menambah baik dan melancarkan laluan rawatan ST-Elevation Myocardial Infarction (STEMI) di NBD.

Sebelum ini, pesakit yang mengalami serangan jantung mungkin perlu menunggu lebih lama sebelum menerima rawatan kecemasan yang boleh menyelamatkan nyawa. Namun kini, dengan adanya sistem rujukan terus dan tindak balas yang diselaraskan, rawatan boleh diberikan seawal 27 minit bagi pesakit di Daerah Brunei dan Muara di mana ia satu peningkatan ketara dalam peluang untuk pesakit pulih dan terus hidup.

Sejak pelaksanaan laluan ini, pencapaian dalam penjagaan kardiologi menunjukkan kemajuan memberangsangkan. Antara Januari hingga September 2025, sebanyak 94 rujukan telah dibuat ke Gleneagles JPMC, berbanding hanya empat kes yang direkodkan pada akhir 2023.

Daripada jumlah itu, 39 pesakit menepati kriteria rujukan dan telah dipindahkan ke Gleneagles JPMC, dengan 23 daripadanya berjaya menjalani Rawatan Utama Angioplasti Koronari (PPCI). Selebihnya didapati tidak memerlukan sebarang intervensi.

Yang membanggakan, semua pesakit yang dipindahkan telah discaj tanpa sebarang kematian, sekali gus membuktikan impak besar intervensi tepat pada masanya dan kerjasama kukuh antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC.

Kejayaan laluan ini turut bergantung pada keupayaan petugas barisan hadapan. Justeru, Gleneagles JPMC dan EMAS menekankan kepentingan latihan tenaga kerja. Sebanyak 76 paramedik EMAS telah dilatih setakat ini, selain lebih 30 peserta dari institusi swasta.

Latihan ini, yang dikendalikan oleh Gleneagles JPMC, bertujuan untuk memastikan para paramedik dilengkapi dengan kemahiran mengenal pasti kes serangan jantung dan mengaktifkan laluan rawatan dengan segera.

Majlis pelancaran turut menampilkan sesi panel perbincangan bertajuk 'The Journey to a Unified PPCI Pathway', yang membariskan pakar-pakar utama berkongsi pandangan tentang pembangunan dan pelaksanaan sistem ini.

Ketua Jabatan Kardiologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Dr. Sofian Johar memberi sorotan sejarah laluan ini serta kesesuaiannya dengan amalan terbaik antarabangsa yang disesuaikan dengan konteks Brunei.

Manakala Pakar Perunding Kardiologi Intervensi Kanan di Gleneagles JPMC, Dr. Paula Mota, pula mengetengahkan bagaimana strategi diterjemahkan ke dalam amalan, termasuk program latihan untuk staf kecemasan dan cabaran memastikan konsistensi pelaksanaan merentas institusi.

Sementara itu, Ketua Operasi EMAS Cawangan Tutong dan Belait, Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Laila Halip bin Pengiran Haji Mohd. Shamri berkongsi perspektif barisan hadapan tentang bagaimana paramedik mendapat manfaat daripada protokol ini melalui




YANG Berhormat Menteri Kesihatan melancarkan Kempen Kesedaran Acute Myocardial Infarction (AMI).

penambahbaikan dalam proses *triage*, komunikasi dan masa pemindahan pesakit.

Gleneagles JPMC akan meneruskan lagi Kempen Kesedaran AMI ini dengan melaksanakan program pendidikan dan kesedaran di sekolah-sekolah, tempat kerja, media sosial serta komuniti bagi memastikan orang ramai lebih peka terhadap tanda-tanda awal serangan jantung dan tahu bertindak segera.

Pihak hospital juga akan mengetengahkan kempen ini dalam Persidangan Antarabangsa Penyakit Tidak Berjangkit yang akan diadakan pada 8 hingga 12 Oktober ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sebagai satu-satunya hospital pakar jantung di negara ini, Gleneagles JPMC terus menjadi pusat utama dalam memerangi penyakit jantung.

Dengan kemudahan canggih, kepakaran pakar dan pencapaian terbukti, hospital ini komited untuk memastikan pesakit bukan sahaja menerima rawatan yang pantas tetapi juga rawatan dengan standard tertinggi. Majlis pelancaran kempen ini diakhiri dengan lawatan pameran kesedaran AMI dan bahan pendidikan.

## HASRAT NEGARA

**>> Muka 2**

Oleh itu, beta penuh berharap Pameran dan Persidangan Khas PA Tahun 2025 akan mencetuskan wacana dan kefahaman lebih mendalam terhadap pembaharuan yang sedang rancak diteroka di peringkat serantau dan antarabangsa. Inisiatif ini juga merupakan permulaan yang tepat pada masanya sebagai pemangkin kepada perubahan dan kecemerlangan PA.

Akhirnya, beta menyeru seluruh penjawat awam supaya memperkukuhkan lagi perpaduan dan berkhidmat dengan penuh dedikasi untuk rakyat dan negara, sesuai dengan sifat PA sebagai tulang belakang bagi menjayakan segala rancangan untuk kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

Beta juga tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para penerima anugerah pada tahun ini atas khidmat bakti mereka yang cemerlang. Semoga pencapaian ini akan menjadi inspirasi kepada semua untuk terus menyumbang jasa dengan ikhlas dan amanah.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# NBD, REPUBLIK SINGAPURA KUKUHKAN KERJASAMA SEKTOR TENAGA, KEJURUTERAAN, INDUSTRI

**Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Rotary Engineering Sdn. Bhd.**

**SERIA**, Rabu, 1 Oktober. - Brunei Rotary Engineering Sdn. Bhd. (BRE) baru-baru ini menerima Lawatan Rasmi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong ke pejabat syarikat berkenaan di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) Centre.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Lawatan berkenaan menandakan satu pencapaian penting kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura, serta mengukuhkan komitmen bersama kedua - dua negara untuk memperluaskan kerjasama dalam sektor tenaga, kejuruteraan dan industri.

BRE merupakan usaha sama antara Rotary Engineering Pte. Ltd. dari Republik Singapura dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Dana Modal Pembangunan Strategik di bawah Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

BRE ditubuhkan bagi memperkukuh lagi keupayaan NBD dalam bidang kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC), serta penyelenggaraan jangka panjang dan pembangunan tenaga kerja.

Semasa lawatan kerja berkenaan, Tuan Yang Terutama meninjau Pejabat BRE dan diberikan taklimat mengenai projek-projek yang sedang berjalan serta projek-projek yang akan datang, termasuk kerjasama di antara Syarikat BRE dengan Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Brunei Fertilizer Industries (BFI) dan juga seterusnya membuat lawatan ke Loji BFI dan Taman Keselamatannya di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK).

Syarikat BRE juga menekankan tumpuan syarikat terhadap latihan tenaga kerja tempatan, pemindahan teknologi dan pengetahuan, dan pertumbuhan industri yang mampan, selaras dengan matlamat pembangunan kedua-dua negara.

Pada Mac tahun ini, BRE juga telah menandatangani Perjanjian Maintenance Outsourcing dengan BFI yang didedikasikan untuk memperkukuh lagi standard penyelenggaraan industri di NBD, dengan BFI dan BRE bekerjasama bagi penyelenggaraan fasiliti Amonia dan Urea BFI, sekali gus meningkatkan kecekapan dan kelestarian serta pada masa yang sama mewujudkan lebih banyak peluang untuk belia tempatan



**BRUNEI Rotary Engineering Sdn. Bhd. (BRE) baru-baru ini menerima Lawatan Rasmi daripada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong ke pejabat syarikat berkenaan di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) Centre.**

melalui latihan dan bimbingan dalam penyelenggaraan industri.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Rotary Engineering Pte. Ltd. dan juga Pengarah BRE, Koh Chun Peng, menjelaskan bahawa lawatan kerja berkenaan mencerminkan kerjasama yang semakin kukuh di antara Republik Singapura dan NBD dalam membangunkan keupayaan industri yang berdaya tahan.

"Melalui BRE, kami membina perhubungan kerjasama di antara NBD dan Republik Singapura yang boleh menarik lebih ramai pelabur antarabangsa ke sektor tenaga hiliran NBD.

"BRE juga telah bekerjasama rapat dengan syarikat perkhidmatan tempatan dan juga tenaga kerja tempatan untuk membangunkan ekosistem tenaga yang dinamik," katanya.

Lawatan berkenaan turut menekankan kekuatan hubungan ekonomi NBD - Republik Singapura berterusan yang berasaskan kepercayaan bersama dan kerjasama merentas sektor utama.

BRE akan terus kekal komited untuk memperkukuh peranannya di NBD serta memperluaskan lagi jangkauannya di rantau Borneo, dengan rancangan masa depan bagi meningkatkan kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, memupuk bakat tempatan dan menyumbang kepada usaha mempelbagaikan ekonomi NBD.

# Memperkukuh pemahaman terhadap strategi ketenteraan, keselamatan, landskap operasi

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TANAH JAMBU**, Khamis, 2 Oktober. - Seramai 46 pegawai, iaitu 41 pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), seorang pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan empat pegawai tentera antarabangsa masing-masing dari Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, dan Republik Sosialis Viet Nam yang mengikuti Kursus Staf Pertengahan Sesi 25/2025 menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup yang berlangsung di Akademi Pertahanan, ABDB, Kampung Tanah Jambu.

Penyampaian sijil kepada para peserta dan penganugerahan kecemerlangan disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, perwakilan daripada PPDB, Pengarah-pengarah Tentera, Atase dan Penasihat Pertahanan dari negara masing-masing dan pegawai-pegawai kanan, Kementerian Pertahanan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil tamat kursus dan penganugerahan kecemerlangan kepada peserta-peserta kursus oleh tetamu kehormat majlis.





**PENYAMPAIAN sijil kepada para peserta dan penganugerahan kecemerlangan disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada Majlis Penutup Kursus Staf Pertengahan Sesi 25/2025.**

Anugerah Overall Best Student dan Anugerah Commander RBAF's Paper diberikan kepada Leftenan Muhammad Hamizan bin Haji Zaini, Royal Brunei Navy (RBN) dari Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Manakala Anugerah Best Service Paper pula disandang oleh Kapten Muhamad Afandi bin Juna dari Tentera Darat Diraja Brunei.

Kursus selama 14 minggu berkenaan dirangka bagi mempersiapkan pegawai berpangkat Kapten atau Leftenan TLDB untuk menggalas peranan sebagai pegawai staf, sama ada dalam *single-service* ataupun *joint environment.*

Modul kursus berkenaan menekankan peningkatan kemahiran berfikir secara analitikal, komunikasi, kepimpinan dan perancangan operasi, di samping memperkukuh pemahaman mereka terhadap strategi ketenteraan, keselamatan, dan landskap operasi yang sentiasa dinamik.



# MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA MEMPERINGATI PENUKARAN NAMA BSB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 Tahun.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 2 Oktober. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa hari ini di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini, bersempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 Tahun, sebagai tanda kesyukuran dan memperingati detik bersejarah Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara mewakili daerah-daerah, Setiausaha - setiausaha tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN; ketua-ketua jabatan, KHEDN; pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung seluruh negara yang sama-sama menyemarakkan suasana keagamaan dan memperkukuh ukhuwah sesama warga bandar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah di Kampung Tamoi, Awang Faisal bin Janip@ Rosli.

Adapun majlis berkenaan merupakan salah satu daripada acara pengisian rohani bersempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 Tahun, sebagai mengenang jasa Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam memajukan dan memodenkan NBD.

# Kekerapan kejadian ribut petir dijangka berlaku

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

>> Muka 5

Manakala pada November 2025, ramalan tinjauan bermusim sedikit atas normal dengan anggaran jumlah turunan hujan adalah sebanyak 390mm hingga 450mm. Sementara Disember 2025 pula ramalan tinjauan bermusim adalah normal dengan anggaran jumlah turunan hujan adalah sebanyak 290mm hingga 430mm.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini dan sahih boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather* dan saluran Telegram *Brunei Weather*.

# Mengukuhkan hubungan kerjasama sektor pertanian, perikanan




**MENANDATANGANI bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan manakala menandatangani bagi pihak Kerajaan Republik Filipina, Secretary, Jabatan Pertanian, Yang Berhormat Tuan Francisco P. Tiu Laurel Jr.**

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**MANILA, REPUBLIK FILIPINA,** Khamis, 2 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), iaitu Memorandum of Understanding between The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and The Government of The Republic of The Philippines on Agricultural and Fisheries Cooperation, bertempat di Conrad Manila, Republik Filipina.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Manakala menandatangani bagi pihak Kerajaan Republik Filipina, Secretary, Jabatan Pertanian, Yang Berhormat Tuan Francisco P. Tiu Laurel Jr.

Majlis Penandatanganan MoU berkenaan diadakan semasa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Kali Ke-47 dan Mesyuarat - mesyuarat Yang Berkaitan Dengannya, dengan Republik Filipina sebagai tuan rumah.

Melalui MoU berkenaan akan dapat mengukuhkan lagi hubungan kerjasama di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan Jabatan Perikanan, KSSUP, NBD dengan Jabatan Pertanian, Republik Filipina.

Secara amnya, MoU berkenaan akan memberi beberapa manfaat dan faedah melalui kerjasama antara kedua-dua belah pihak, iaitu meningkatkan kerjasama dan perkongsian maklumat yang efektif dalam sektor pertanian dan perikanan antara kedua-dua negara, meliputi perkongsian pengetahuan, pengalaman, dan teknologi terkini bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti produk pertanian dan perikanan.

Selain itu, membangunkan kapasiti dan meningkatkan keupayaan sumber manusia Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta Jabatan Perikanan, KSSUP melalui dengan pendedahan kepakaran dari Republik Filipina, mahupun mendatangkan pakar ke NBD atau melalui program latihan di Republik Filipina; dan meningkatkan akses pasaran dan pelaburan dalam sektor pertanian dan perikanan menggalakkan penglibatan sektor swasta, meningkatkan daya saing, dan keupayaan eksport negara, serta mempelbagaikan varieti ekonomi negara.

Majlis Penandatanganan berkenaan turut disaksikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan.



# SEKTOR MARITIM NADI EKONOMI NEGARA

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Ihsan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam**



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.**

**JERUDONG**, Rabu, 1 Oktober. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menggesa agar Brunei Darussalam Maritime Week (BDMW) dijadikan sebagai pemangkin kepada kemajuan sektor maritim negara ini.

Setiap perwakilan juga diseru untuk terlibat secara aktif, menggunakan sepenuhnya panel dan pakar, dan menjalin perkongsian strategik.

Biarlah ia menjadi detik penentu di mana idea diterjemahkan kepada projek, projek yang mencipta peluang dan peluang yang mampu memperkukuh kedudukan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara dengan operasi maritim yang selamat, cekap, lestari dan ditadbir dengan baik.

Demikian jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, merangkap Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dalam ucaptama pada BDMW 2025, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong, baru-baru ini.

Bagi NBD, jelas Yang Berhormat, sektor maritim adalah nadi ekonomi kita, yang memudahkan perdagangan, menarik perkhidmatan bernilai tinggi, mengukuhkan daya tahan negara, meningkatkan hubungan penting dan mewujudkan kerjaya yang bermakna dan sedia masa depan untuk rakyat.

Yang Berhormat gembira mengambil maklum bahawa sepanjang tahun lalu MPABD, terus berusaha bukan sahaja dalam menetapkan matlamat, tetapi dalam menyampaikannya. Hari ini, kita akan menyaksikan kejayaan yang dicapai yang sudah pasti akan melakarkan hala tuju ke hadapan.

Antara lain, tambah Yang Berhormat, termasuk pelancaran Sistem Pengurusan Trafik Kapal (VTMS) tercanggih untuk membantu memajukan keselamatan dan kecekapan pelayaran; menandatangani Biasiswa Kadet untuk membina tenaga kerja maritim Brunei yang mantap; dan demonstrasi yang mempamerkan pendigitalan perkhidmatan MPABD dan pemantauan jarak jauh peralatan Bantuan Marin untuk Navigasi sebagai sebahagian daripada fasa seterusnya perjalanan pemodenan mereka.

Mengenai keselamatan dan sekuriti, ujar Yang Berhormat lagi, fasa pertama peningkatan VTMS bermula hari ini dan akan siap menjelang akhir 2025. Fasa dua dijadualkan siap pada 2026 di mana MPABD komited untuk mengurangkan dan akhirnya mencapai sifar insiden navigasi utama setiap tahun dan mengurangkan separuh insiden kecil, melalui pematuhan yang lebih kukuh terhadap Kod Keselamatan Kapal dan Kemudahan Pelabuhan Antarabangsa, latihan mencari dan menyelamat bersama yang kerap, dan sistem navigasi lebih maju.

"Sukacita saya juga mengambil maklum bahawa MPABD juga menyahut tugas untuk melihat bagi menambah baik lagi aspek kandungan tempatan sektor maritim.

"Dengan pertumbuhan yang diperhatikan dan peluang pertumbuhan selanjutnya, industri ini mempunyai keupayaan untuk mengembangkan peluang pekerjaan yang ada untuk penduduk tempatan," terang Yang Berhormat.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, MPABD juga perlu melihat untuk menilai semula dan mengekalkan keupayaannya, melalui Akademi Maritim Brunei (BMA), sebagai contoh, untuk dapat membangun dan memupuk tenaga kerja maritim berkemahiran tinggi yang menyokong dan boleh memacu kepelbagaian ekonomi kita dan usaha pembangunan mampan.

"Memandang ke hadapan, kami meletakkan asas untuk landskap logistik yang ditakrifkan oleh kecekapan, kesalinghubungan dan pertumbuhan. Pembesaran Pelabuhan Muara yang dirancang, Operasi Kapal-Ke-Kapal yang dipertingkatkan, *lay-up*, *bunkering*, dan logistik marin boleh meletakkan Brunei sebagai pelaburan menarik dan rakan kongsi yang dipercayai dalam perdagangan serantau sambil memperkemas pelayaran rentas sempadan dengan jiran serantau kita untuk kesalinghubungan yang lancar.

"Hala tuju kita adalah jelas, kita semua perlu memperjuangkan pengawasan laut kita dan pemodenan sistem kita, menyelesaikan penemuan audit, mengukuhkan Akta MPABD dan Merchant Shipping Order, serta menyelaraskan dengan standard fasilitasi dan data IMO yang terkini," ujar Yang Berhormat.






# Brunei Darussalam Maritime Week 2025 dirasmikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam**

**JERUDONG**, Rabu, 1 Oktober. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) telah merasmikan Brunei Darussalam Maritime Week (BDMW) 2025 yang membawakan tema 'Our Ocean, Our Obligation, Our Action' sebagai platform utama untuk dialog, inovasi dan kerjasama dalam sektor maritim, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan BDMW 2025 ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, merangkap Pengerusi MPABD pada majlis yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang Yussop, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahmandan mesej video khas daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), Arsenio Dominguez.

Kemudian, majlis diteruskan dengan penyampaian ucaptama oleh tetamu kehormat dan diselajurkan dengan penyampaian cenderahati penghargaan kepada para penaja dan penerima pengiktirafan rasmi bagi Persatuan Industri Berkaitan Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam serta kepada penerima Anugerah Tindakan Cemerlang MPABD dalam Kecemasan Maritim.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga turut menyaksikan Majlis Menandatangani Biasiswa Kadet Maritim sebagai sokongan terhadap pembangunan profesional maritim masa hadapan.



Ini diikuti dengan tayangan video demonstrasi inisiatif MPABD, termasuk OSRL Country Membership for Oil Spill Response between MPABD dan Oil Spill Response Limited (OSRL), Sistem Pemantauan Jauh Bantuan Navigasi (ATONS), Pusat Khidmat Pelanggan dan Inisiatif Transformasi Digital. Majlis diakhiri dengan lawatan ke pameran-pameran.

BDMW turut menampilkan program forum selama dua hari yang menyeluruh dan bermaklumat, diadakan bermula 30 September hingga 1 Oktober 2025, merangkumi enam tema utama iaitu Pembangunan Ekonomi Biru Lestari, Inisiatif Pelabuhan Hijau, Rantaian Bekalan Logistik Multimodal, Pengurusan Air Ballast, Operasi Kapal-ke-Kapal (STS) dan Pendaftaran serta Peluang Pengibaran Kapal Secara Global.

Forum - forum ini berjaya menghimpunkan pelbagai barisan penceramah, termasuk pakar industri dari serantau dan antarabangsa, yang berkongsi ilmu dan pandangan mereka terhadap isu-isu maritim yang penting.

Selain perbincangan forum yang dinamik, acara ini turut menyaksikan pameran yang kukuh dengan penyertaan sebanyak 60 pempamer, terdiri daripada agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian tinggi dan badan antarabangsa, sekali gus membuka peluang berharga untuk rangkaian kerjasama dan pembelajaran.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya membuat lawatan ke pameran-pameran pada majlis berkenaan (atas dan bawah kiri).**

Turut hadir pada acara ini ialah Timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi, Ahli Lembaga Pengarah MPABD, pegawai kanan dari agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi serta rakan industri maritim.

BDMW berfungsi sebagai platform penting untuk penglibatan dan pembangunan tenaga kerja masa hadapan, diperkaya lagi dengan fokus terhadap konteks sejarah dan visi masa depan.

Laluan Infografik Khas disediakan untuk membawa pengunjung melalui perjalanan sejarah maritim Brunei, evolusi MPABD sepanjang tahun, peranan Brunei dalam komuniti maritim global serta aspirasi maritim Brunei selepas tahun 2025.

Selain itu, Zon Kerjaya khas menawarkan ruang unik di mana pelajar dan orang ramai boleh berinteraksi secara langsung dengan pakar industri, mendapatkan maklumat secara langsung tentang kerjaya dalam bidang maritim dan potensi pertumbuhan sektor ini.

Pendekatan menyeluruh ini, yang menggabungkan perspektif sejarah dan strategi masa depan bersama program teknikal dan penyertaan antarabangsa yang meluas, menegaskan komitmen BDMW untuk memupuk kerjasama, inovasi dan kemajuan strategik dalam komuniti maritim serantau dan global.

Kini memasuki edisi kedua, BDMW telah mengukuhkan kedudukannya sebagai acara tahunan, dan menjadi bukti kukuh kepada komitmen berterusan MPABD dalam pembangunan dan pemodenan sektor maritim negara.

Pelita Brunei

# WARGA EMAS PENGGERAK, PENYUMBANG BENTUK HALA TUJU NEGARA, MASYARAKAT

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali daripada menuju ke arah masyarakat menua (*ageing society*).

Mengikut Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2024, warga emas merangkumi 10.9 peratus (49,500 orang) daripada keseluruhan penduduk di negara ini, berbanding 10.8 peratus (48,800 orang) pada tahun 2023. Ini bermakna NBD adalah termasuk dalam kategori negara yang mempunyai penduduk yang menua ataupun *aging population*.

Walaupun peningkatan ini kelihatan kecil, ia memberikan impak yang nyata kepada pelbagai aspek kehidupan dan dasar negara termasuk dalam aspek sosial dan ekonomi.

Namun begitu, kita bersyukur bahawa dengan meningkatnya bilangan warga emas di negara ini, pelbagai usaha juga telah diperkukuhkan bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Kenyataan itu digariskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dalam perutusan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2025.

Terdahulu, menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, NBD sekali lagi menyambut HAWE yang jatuh pada 1 Oktober dan tahun ini merupakan Sambutan Ulang Tahun Ke-35 HAWE (International Day of Older Persons) bagi negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tema 'Warga Emas Pemacu Tindakan Tempatan dan Global : Meniti Hari Tua Dengan Berjaya dan Sinergi Intergenerasi' ataupun 'Older Persons Driving Local and Global Action: Towards Succesful Ageing and Intergenerational Synergy'.

"Peningkatan bilangan warga emas ini telah menjadi asas kepada pengemaskinian Pelan Tindakan Warga Emas : Ke Arah Penuaan yang Berjaya (Successful Ageing) di bawah naungan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS). Pelan ini memberi tumpuan kepada kesejahteraan, perlindungan dan pemerkasaan warga emas tahun ini, yang mana adalah juga selaras dengan tema Sambutan HAWE tahun ini.

"Tema ini menekankan bahawa warga emas bukan hanya sebagai penerima manfaat, bahkan sebagai penggerak dan penyumbang dalam membentuk hala tuju negara dan masyarakat sejagat. Kita harus terus menghargai warga emas sebagai sumber kebijaksanaan, pengalaman dan teladan, sambil menggalakkan kerjasama antara generasi untuk mencapai penuaan yang berjaya serta membina masyarakat yang inklusif, harmoni dan sejahtera," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, konsep 'Menuju Penuaan yang Berjaya' mengingatkan kita bahawa kejayaan pada usia emas bukan sekadar diukur melalui kesihatan fizikal atau tahap kesihatan yang baik, tetapi juga merangkumi keseimbangan jasmani, rohani dan ukhrawi.

Pemakanan sihat, gaya hidup aktif, serta pemeriksaan kesihatan berkala, jelas Yang Berhormat, adalah asas penting untuk kesejahteraan. Pada masa yang sama, amalan kerohanian seperti sembahyang, zikir, membaca Al-Quran dan muhasabah diri adalah bekalan utama menuju kehidupan akhirat yang kekal.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan 'Kesalinghubungan Antara Generasi' juga sangat penting dan kita sedia maklum bahawa warga emas mempunyai khazanah pengalaman, kebijaksanaan dan nilai-nilai tradisi yang kaya, manakala generasi muda membawa semangat inovasi, tenaga dan keinginan untuk berubah.

Apabila kedua-dua golongan ini bekerjasama, tambah Yang Berhormat, ia akan memperkukuh keharmonian masyarakat dan membuka peluang besar untuk pembangunan negara secara menyeluruh termasuk dari segi kesihatan, jaminan sosial, ekonomi dan kesejahteraan mental.

"Warga emas adalah aset yang berharga kepada negara. Mereka memainkan peranan penting dalam memperkukuh institusi kekeluargaan, menyemai silaturahim, dan mewariskan budaya, agama dan adat kepada generasi seterusnya. Kehadiran dan penyertaan aktif mereka dalam komuniti mencerminkan masyarakat yang inklusif, yang menghargai jasa generasi terdahulu.

"Justeru, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus memperkasa golongan warga emas melalui skim-skim yang telah diwujudkan sejak sekian lama," ujar Yang Berhormat

Kongsi Yang Berhormat, setakat Julai 2025, seramai 45,256 warga emas menerima Pencen Umur Tua, di mana seramai 1,092 orang daripadanya turut menerima Elaun Kurang Upaya. Di samping itu, seramai 558 warga emas telah dikenal pasti sebagai penjaga kepada penerima Elaun Kurang Upaya dan turut menerima Elaun Penyedia Penjagaan.

Kerajaan juga amat mengalu-alukan kerjasama antara generasi di mana jelas Yang Berhormat, inisiatif seperti penglibatan pelajar Universiti Brunei Darussalam bersama Pertubuhan WARGAMAS melalui Program Discovery Year serta penganjuran The Golden Amazing Race yang pada julung kalinya dianjurkan tahun ini dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Pembangunan Belia, membuktikan bahawa kerjasama antara warga emas dan belia mampu memupuk pengalaman yang bermanfaat melalui interaksi rentas generasi yang bermakna, membina pemahaman yang lebih mendalam tentang realiti penuaan, serta memperkukuh budaya hormat kepada orang tua.

Penglibatan aktif warga emas dalam aktiviti kebangsaan membuktikan kegigihan dan komitmen mereka sebagai tonggak masyarakat yang berdaya tahan serta sentiasa relevan dalam mendukung agenda negara.

Sebagai contoh terang Yang Berhormat, buat julung kalinya, Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas telah diberi kepercayaan untuk mengelolakan Majlis Khatam Al-Quran sebanyak 41 kali sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD 2025.

"Penganjuran yang melibatkan seramai 150 warga emas dari keempat-empat daerah ini menyerlahkan lagi peranan penting golongan warga emas dalam menyumbang kepada pembangunan rohani masyarakat serta memartabatkan syiar Islam di negara ini.

"Kita juga amat menghargai komitmen daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, komuniti setempat dan sukarelawan dalam meningkatkan kesedaran terhadap kemaslahatan dan cabaran yang dihadapi oleh warga emas," jelas Yang Berhormat.

Selain itu ujar Yang Berhormat, beberapa inisiatif memeduli kesejahteraan warga emas tetap diteruskan seperti pelaksanaan



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas 2025.**

Projek Memeduli Warga Emas anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan bukan Kerajaan dan para sukarelawan.

Setakat Julai 2025, seramai 56 warga emas telah menerima bantuan intervensi secara langsung, dan seramai 94 warga emas telah menerima bantuan lampin dan susu setiap bulan yang telah dihantar langsung ke rumah oleh Kumpulan Sukarelawan Komuniti dan Kebajikan (KSKK).

"Akhir kata, kepada seluruh warga emas di NBD, diucapkan Selamat Menyambut HAWE. Dengan segala kerendahan hati, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan atas jasa, pengorbanan dan sumbangan yang telah diberikan demi raja, bangsa, agama dan negara.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan keberkatan, kesihatan dan kesejahteraan kepada semua warga emas, serta mengurniakan kekuatan untuk terus menjadi inspirasi kepada generasi kini dan akan datang," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

# Pengunjung bertuah Pameran Majlis Ilmu 2025 terima hadiah




**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada penerima.**

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**BERAKAS**, Rabu , 1 Oktober. - Majlis Penyampaian Hadiah Pengunjung Bertuah sempena Pameran Majlis Ilmu 2025 telah diadakan petang tadi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Pameran Majlis Ilmu 2025.

Awang Muhammad Azri diumumkan sebagai pengunjung bertuah memenangi hadiah utama merupakan tiket penerbangan ke Chennai, Republik India.

Ketua Urus Setia Bersama Jawatankuasa Kerja Pameran Majlis Ilmu 2025, Pengiran Hajah Nurul Ihsan binti Pengiran Haji Damit, dalam ucapan alu-aluan mengongsikan pameran Majlis Ilmu 2025 telah menarik seramai 1,000 orang pengunjung yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari sektor kerajaan, swasta, mahasiswa dan mahasiswi, pelajar dan masyarakat awam.

Beliau berharap pameran seumpamanya dapat menjadi wadah yang bukan sahaja menyemarakkan budaya ilmu dan amal kebajikan, malah ia juga menyatukan usaha pelbagai pihak, di samping memberi manfaat yang luas kepada pengunjung.

Pameran Majlis Ilmu 2025 telah diadakan selama seminggu bermula 25 September hingga 1 Oktober 2025.

Pameran Majlis Ilmu tahun ini, ia adalah merupakan salah satu pengisian utama dalam Majlis Ilmu 2025 yang mengangkat tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah'.

Tema ini menekankan tentang amalan sedekah adalah satu nilai murni yang bukan sahaja menyemai kasih sayang dalam masyarakat, tetapi juga menjadi asas kepada keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Pameran Majlis Ilmu 2025.




# MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong petang tadi menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025 yang berlangsung di Dewan Bankuet, bangunan Majlis Mesyuarat Negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis yang antara lain menjelaskan sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas pada tahun ini didahulukan dengan acara Musabaqah Tilawatil Al-Quran PKWE yang melibatkan penyertaan seramai 13 orang peserta Ahli PKWE dari keempat-empat daerah.

"Daripada jumlah tersebut, seramai lapan peserta (empat qari dan empat qariah) telah berjaya mara ke peringkat akhir yang telah diadakan kelmarin, di Dar Al Intisar, Kompleks Sukan Jerudong, Kampung Jerudong," terangnya.

Dayang Fauziah dalam ucapannya juga menganjurkan para warga emas untuk menjalani kehidupan yang sentiasa aktif ke arah cara hidup sihat dari aspek fizikal, mental dan kerohanian di samping turut menyumbang kepada sosioekonomi pembangunan bangsa dan negara, sesuai dengan aspirasi *successful ageing*.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas 2025.

Acara diikuti dengan penyampaian tazkirah bertajuk 'Meraih Barakah Dunia Akhirat' yang disampaikan oleh Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Dakwah (Kaunseling), Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, yang antara lain menekankan terhadap hakikat bahawa kehidupan ini merupakan suatu nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan wajib disyukuri oleh setiap makhluk-Nya.

Menurut beliau, kehidupan yang sementara ini seharusnya diisi dengan keimanan yang teguh serta ketakwaan yang berterusan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau juga turut mengajak para hadirin untuk merenung dan menyedari bahawa mensyukuri serta memanfaatkan nilai nyawa yang dipinjamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala memerlukan kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba-Nya dan antara bentuk kesyukuran yang sebenar ialah dengan mentaati segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Dalam tazkirahnya juga, beliau menekankan kepentingan menunaikan solat, membaca serta menghayati Al-Quran, bersedekah, mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memperbanyakkan amalan kebaikan.

Pada akhir tazkirah, beliau melahirkan harapan agar segala usaha ini menjadi sebab kepada keberkatan hidup serta kejayaan yang hakiki, sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Majlis juga mendengarkan pengumuman keputusan Musabaqah Tilawatil Quran PKWE bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Malik bin Haji Jumat, selaku Pengerusi Jemaah Hakim yang dilantik oleh KHEU.

Johan qari dan qariah ialah Awang Haji Junadi bin Haji Sabtu dari PKWE Daerah Tutong dan Dayang Hajah Amnah binti Md. Yusof dari PKWE Daerah Brunei dan Muara, masing - masing menerima piala, sijil penyertaan, wang tunai berjumlah BND500, baucar tunai serta barangan tajaan daripada Bank RHB, Halimah Habib, Modessa dan Koleksi Husnaa berupa kain tenunan dan beg Jong Sarat.

Sementara, naib johan qari dan qariah disandang oleh Dr. Zulkifli bin Haji Zakaria dari PKWE Daerah Belait dan Dayang Hajah Kasminah binti Gulam Muhammed dari PKWE Daerah Brunei dan Muara yang menerima piala, sijil penyertaan, wang tunai berjumlah BND300, baucar tunai serta barangan tajaan daripada bank RHB, Koleksi Husna, Halimah Habib dan Modessa.

Tempat ketiga qari dan qariah dimenangi oleh Awang Haji Saifuzzaman bin Haji Apong dari PKWE Daerah Temburong dan Dayang Jamaliah binti Haji Pudin dari PKWE Daerah Tutong yang masing-masing membawa pulang piala, sijil penyertaan, wang tunai berjumlah BND100, baucar tunai serta barangan tajaan daripada bank RHB, Koleksi Husna, Halimah Habib dan Modessa.

Acara juga mendengarkan persembahan bacaan daripada johan qari dan qariah dan kemudian diteruskan dengan Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Penghargaan kepada para pemenang Musabaqah Tilawatil Quran PKWE, juri-juri hakim dan para penaja.

Majlis diakhiri dengan Doa Kesyukuran dan Doa Allah Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh Guru Ugama daripada Pusat Bahagia Brunei dan Muara, Awang Haji Nuurmatin bin Haji Abu Bakar.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, pegawai-pegawai kanan dari KKBS, KHEU, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, pengurus dan Ahli-ahli PKWE seluruh daerah; Pertubuhan Wargamas; persatuan-persatuan bukan kerajaan, para penaja dan rakan-rakan strategik KKBS.

# Mengukuhkan standard etika, profesionalisme undang-undang NBD

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam**

**UNITED KINGDOM**, Khamis, 2 Oktober. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon telah membuat Lawatan Rasmi ke Honourable Society of Lincoln's Inn pada Selasa, 30 September 2025.

Ketua Hakim Mahkamah Besar diiringi oleh delegasi yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Perantaraan, Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar; dan Pendaftar Kanan, Hajah Noor Amalina binti Dato Paduka Haji Alaihuddin.

Semasa lawatan berkenaan, Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasi dialu-alukan oleh Treasurer of Lincoln's Inn, The Hon. Sir Paul Morgan dan Under Treasurer of Lincoln's Inn, Emma Hopkins OBE serta beberapa Senior Benchers di Lincoln's Inn.

Ketua Hakim Mahkamah Besar juga dialu-alukan oleh Master of the Rolls, The Right Honourable Sir Geoffrey Vos, yang pernah menjawat jawatan Treasurer Lincoln's Inn pada 2023.

Mesyuarat itu memberikan peluang untuk merenung kembali hubungan jangka panjang antara komuniti undang-undang Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Lincoln's Inn, dengan mengambil maklum bahawa ramai ahli badan kehakiman dan profesion undang-undang NBD telah diterima masuk ke Persatuan Peguam di Lincoln's Inn termasuk Ketua Hakim Mahkamah Besar sendiri pada 1982.

Dalam mesyuarat berkenaan, Ketua Hakim Mahkamah Besar mengesahkan komitmen NBD untuk terus memelihara dan memupuk hubungan profesionalnya dengan Lincoln's Inn serta piawaian tinggi dalam bidang advokasi dan etika yang diterapkan di Inn yang terus membentuk profesion undang-undang NBD hari ini.

Selain itu, Ketua Hakim Mahkamah Besar juga menyatakan minatnya untuk bekerjasama dengan Lincoln's Inn bagi membimbing generasi peguam bela yang akan datang kerana pelajar undang-undang NBD terus memilih persatuan berkenaan sebagai laluan ke arah mengamalkan profesion guaman di NBD.

Ketua Hakim Mahkamah Besar membincangkan jalan untuk kerjasama masa depan, termasuk peluang untuk pembangunan profesional berterusan untuk peguam bela NBD melalui latihan advokasi dan sokongan untuk mengukuhkan standard etika dan profesionalisme dalam komuniti undang-undang NBD.



**YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa membuat Lawatan Rasmi ke Honourable Society of Lincoln's Inn, baru-baru ini.**



# KELUARGA BAHAGIA LAHIRKAN GENERASI SOLEH, SOLEHAH



**ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Program Keluarga Bahagia, Harta Paling Berharga untuk Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Pentingnya keluarga dalam Islam adalah kerana keluarga merupakan tempat pertama untuk menanamkan nilai-nilai tauhid, akhlak mulia, dan pendidikan.

Keluarga bahagia bukan hanya dilihat daripada material yang melimpah atau rumah yang mewah, tetapi keluarga bahagia adalah keluarga yang dipenuhi dengan kasih sayang (mawaddah warahmah), komunikasi yang baik, saling menghormati, tanggungjawab antara suami, isteri, dan anak-anak dan berlandaskan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati Ceramah Utama yang bertajuk 'Keluarga Bahagia Harta Paling Berharga' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi semasa Program Keluarga Bahagia, Harta Paling Berharga untuk Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Menurutnya, daripada keluarga yang bahagia akan melahirkan generasi yang soleh dan solehah, di samping itu juga akan membentuk masyarakat yang damai dan sejahtera.

Turut dikongsikan semasa ceramah tersebut adalah tips membangun keluarga bahagia iaitu solat berjemaah di rumah; makan bersama sambil berbincang-bincang; menghindari konflik yang berpanjangan; mendidik anak dengan ilmu agama; meluangkan waktu yang berkualiti; dan saling menghargai dan menghormati.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Turut sama dalam program berkenaan, Pegawai Ugama Kanan, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin, selaku Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM).

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan ceramah yang disampaikan oleh Awang Mohammad Nasyith.

Kemudian, acara diteruskan dengan bacaan doa dan zikir oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Dayang Nurul Atiqah binti Haji Abdul Latif.

Sebagai penutup, majlis disempurnakan dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Dayang Nurul Janah binti Sahbuddin.

Program bertajuk 'Keluarga Bahagia, Harta Paling Berharga' ini disasarkan kepada peserta kelas bimbingan Muslimah dari seluruh negara.

Dianjurkan melalui Jawatankuasa Kerja Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, program khas yang memfokuskan kepada panduan membentuk keluarga bahagia itu, adalah sebagai usaha menyokong pelaksanaan Pelan Tindakan Keluarga 2023-2027.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang pentingnya membina keluarga yang sejahtera, selain itu juga berfungsi sebagai panduan membimbing keluarga dengan pendekatan yang tepat dan relevan mengikut peredaran zaman, termasuk dalam aspek komunikasi dan disiplin.

Selain itu, program ini turut menekankan peranan ibu bapa sebagai pembimbing, penasihat, dan pendorong dalam membentuk sahsiah anak - anak serta memperkukuh institusi keluarga.

Ia juga menggalakkan amalan berdoa dan berzikir sebagai usaha memperoleh keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Diharapkan program ini akan menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam memperkasa institusi keluarga, selaras dengan matlamat Pelan Tindakan Keluarga 2023-2027 dan aspirasi negara ke arah kesejahteraan ummah.

# Majlis Tahlil sempena Konvokesyen KUPU SB

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15, bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Juga hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai - pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta bakal graduan lelaki KUPU SB.

Majlis diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Penolong Pensyarah KUPU SB, Awang Hilman bin Haji Salim.

Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15 akan berlangsung pada Khamis, 16 Oktober 2025 bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.



**MAJLIS Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ke-15 dihadiri oleh Ra'es KUPU SB.**

# Kumpulan An-Nasirin serah sumbangan BND41,540 kepada TABP

**Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan An-Nasirin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Kumpulan An-Nasirin, dari Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-36 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam yang dijalankan oleh Institut Perkhidmatan Awam menyerahkan sumbangan berjumlah BND41,540 kepada Tabung Amal Bantuan Pesakit (TABP) Kementerian Kesihatan hasil kutipan derma Projek Jangkauan Masyarakat (Community Outreach Project) yang dilaksanakan dalam Program EDPMMO tersebut.

Sumbangan disampaikan oleh Kumpulan An-Nasirin kepada Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif pada majlis yang diadakan di Kementerian Kesihatan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan (Medical Social Work Services).

Kutipan derma tersebut telah berjalan dari 11 Ogos 2025 sehingga 27 September 2025. Di samping sumbangan wang, projek tersebut juga telah berjaya mengumpulkan derma *in-kind* berupa peralatan dan keperluan perubatan pesakit iaitu antaranya kerusi roda dan susu tepung khusus yang dianggarkan berjumlah sekitar BND5,000.

Projek yang dikendalikan oleh Kumpulan An-Nasirin bertajuk 'Hulurkan Bantuan, Sinari Kehidupan' antara lain untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai tentang pesakit yang menghadapi isu psikososial yang dirujuk kepada Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan, Kementerian Kesihatan, dan seterusnya mengumpulkan dana (*fundraising*) bagi memastikan mereka akan terus mendapatkan akses kepada penjagaan kesihatan dan sokongan psikososial dalam masa segera demi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup mereka sementara menantikan bantuan lanjut daripada agensi yang berkaitan.

Orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan derma kepada TABP melalui sumbangan wang atau barangan (*in-kind*) adalah sangat dialu-alukan dan bolehlah menderma dengan cara seperti berikut: Secara dalam talian / transaksi bank atau *cash / cheque deposit machine* (CDM) melalui akaun bank : Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Nombor akaun : 006501268602017 (Nama akaun: Tabung Amal Bantuan Pesakit); atau Pengguna DST boleh menderma melalui SMS dengan menaip IHSAN1/5/10/15/20/50/100 (tanpa jarak) dan dihantar ke 38111, atau; Aplikasi MyDST dengan menekan ikon 'Donation', pilih 'Gov services' > 'MOH' > 'Tabung Amal Bantuan Pesakit', dan kemudian masukkan jumlah yang hendak disumbangkan dan Security Pin untuk menyelesaikan transaksi.

Sumbangan juga boleh dihantar terus kepada urus setia Tabung Amal Bantuan Pesakit, Kementerian Kesihatan, di lokasi berikut: Bahagian Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan (MSW), Bangunan Klinik Pakar (banglo), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Bahagian Perkhidmatan MSW, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait; dan Bahagian Perkhidmatan MSW, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Bagi sebarang maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi talian +673 2242424 sambungan 5809 atau melalui emel *msw@moh.gov.bn*.



**SUMBANGAN disampaikan oleh Kumpulan An-Nasirin kepada Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.**

# HABIBA YA'ROSNANIE NURUL SHAIRAH JUARA PERTANDINGAN KHAT KALIGRAFI

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**GADONG**, Khamis, 2 Oktober. - Habiba Ya'Rosnanie Nurul Shairah binti Haji Muhammad Qisti Fadhullah muncul juara Pertandingan Khat Kaligrafi bersempena Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Majlis penyampaian hadiah berlangsung pagi tadi di Kedutaan Republik Islam Iran di NBD, Kampung Kiarong.

Tempat kedua dimenangi oleh Dayangku Raihana binti Pengiran Haji Rahman, manakala tempat ketiga diraih oleh Mst Samia Rahmot Khan.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammad Taghi Rajabi.

Turut hadir, Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Mejar (B) Sofian bin Haji Mohammad Yassin; dan Pengetua STPRI, Dayang Azizah binti Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama berkata, seni kaligrafi merupakan salah satu seni yang paling berprestij dan terkenal di Iran.

"Keindahan seni kaligrafi dan hiasannya yang pelbagai sentiasa mendapat pujian di seluruh dunia.

"Kepentingan seni kaligrafi dalam dunia seni Republik Islam Iran adalah begitu besar sehingga terdapat bentuk seni yang seakan-akan tidak lengkap tanpa sentuhan kaligrafi hiasan.

"Bangsa Republik Islam Iran telah menggunakan pelbagai gaya kaligrafi untuk memperkayakan dan memperindah tembikar, barangan logam serta bangunan bersejarah," jelas TYT.

TYT menambah, tahun 2025 mempunyai kepentingan yang istimewa dalam hubungan antara Republik Islam Iran dan NBD dalam memperingati Ulang Tahun Ke-35 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara kedua-dua negara.

Sepanjang lebih tiga dekad ini, ujar TYT, kedua-dua negara telah menikmati hubungan persahabatan dan membina, berlandaskan kepercayaan yang sama, saling menghormati serta aspirasi yang dikongsi bersama.

Menurut TYT, kerjasama dalam bidang budaya dan pendidikan seperti pertandingan berkenaan adalah sebahagian penting daripada hubungan tersebut.

"Ia mengingatkan kita bahawa diplomasi bukan sahaja berkisar pada politik atau ekonomi tetapi juga rakyat, tradisi, serta kekayaan jiwa dan pemikiran," kata TYT.

Hubungan diplomatik antara Republik Islam Iran dan NBD telah dijalin sejak tahun 1990, di mana kedua-dua negara telah menikmati kerjasama rapat dan hubungan yang mesra berdasarkan penghormatan dan pemahaman.



**TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan hadiah kepada para pemenang.**

# Membentuk hala tuju masa depan pendidikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**KUALA LUMPUR**, Khamis, 2 Oktober. - Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD) telah dijemput untuk menghadiri Bett Asia 2025 yang berlangsung pada 1 hingga 2 Oktober 2025 di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, Malaysia.

Dipengerusikan oleh Hyve Group, Bett Asia diadakan setiap tahun dan berperanan sebagai platform serantau utama bagi para pemimpin pendidikan, penggubal dasar, serta pakar industri untuk berkongsi pengetahuan, meneroka penyelesaian, dan membentuk hala tuju masa depan pendidikan di Asia Pasifik.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra turut menghadiri Majlis Perasmian Rasmi Bett Asia 2025, yang telah disempurnakan oleh Pengarah Portfolio Bett, Hyve Group; Duncan Verry, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha Sakmud serta Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Ajay Sharma.

Majlis tersebut membuka tirai persidangan dengan menekankan kepentingan inovasi, kerjasama, dan kepimpinan berwawasan dalam memacu kemajuan pendidikan.

Sebagai sebahagian daripada persidangan ini, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar juga menyertai Sesi Panel Perspektif Menteri bertajuk 'Learning to Innovate', yang menghimpunkan pegawai kanan dan Menteri Pendidikan untuk membincangkan bagaimana pemimpin dapat memupuk inovasi dalam sistem yang sering bersifat berhati-hati, kaku dari segi struktur, dan sensitif dari segi politik.

Beliau menekankan bagaimana kapasiti untuk berinovasi dapat dibangunkan melalui pendekatan berfokuskan guru dan kepimpinan, serta bagaimana ekuiti dalam pendidikan dapat diperkukuhkan melalui Smart Classrooms, platform digital, dan inisiatif kesiapsiagaan Kecerdasan Buatan (AI) di peringkat kebangsaan.

Dalam sesi soal jawab, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar turut menekankan pelancaran Buku 'GenAI Guidance for Education' dengan menegaskan bahawa panduan yang jelas dan dasar yang kukuh adalah kunci untuk membolehkan inovasi yang bermakna di sekolah.

Bett Asia 2025 telah menjadi platform yang bernilai bagi NBD untuk berkongsi inisiatif nasional sambil memperoleh manfaat daripada pengalaman pelbagai sistem pendidikan di rantau ini.

Kementerian Pendidikan menegaskan komitmennya untuk memperkukuh sistem pendidikan NBD sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dan agenda Global Education 2030, agar para pelajar dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, dan nilai murni untuk berjaya dalam dunia yang pesat berubah.




**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan ketika menghadiri Majlis Perasmian Rasmi Bett Asia 2025.**

# Beri peluang MPMK pelopori projek perekonomian masyarakat



**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Pemotongan Rumput antara Jabatan Daerah Belait dan sebuah syarikat tempatan.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BELAIT**, Khamis, 2 Oktober. – Majlis Menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Pemotongan Rumput antara Jabatan Daerah Belait (JDB) dan sebuah syarikat tempatan, iaitu Perusahaan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga Kawasan 'A' diadakan di Dewan Intisar, jabatan berkenaan.

Hadir menyaksikan majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Mewakili JDB bagi menandatangani perjanjian berkenaan, Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani, manakala Ketua Kampung Perumahan Negara Panaga Kawasan 'A', Awang Muhammad Nurzairie bin Abdullah Peter pula mewakili syarikat berkenaan.

Melalui perjanjian yang ditandatangani, syarikat berkenaan dilantik untuk melaksanakan kerja - kerja pemotongan rumput di sembilan kawasan, iaitu Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Kuala Belait; Dewan Pejabat Daerah Belait Cawangan Seria, Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mau, Mukim Bukit Sawat; Dewan Serbaguna Kampung Merangking, Balai Raya Kampung Sungai Teraban, Balai Raya Kampung Lumut, Balai Raya Kampung Sungai Liang, Dewan Serbaguna Mukim Sukang dan Rumah Persinggahan Mukim Sukang bagi tempoh 12 bulan bermula dari 1 September 2025 sehingga 31 Ogos 2026.

Syarikat berkenaan merupakan yang pertama dalam kalangan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di Daerah Belait yang diberi kepercayaan oleh JDB untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan aset jabatan secara berkontrak.

Tenaga kerja yang dilibatkan adalah sepenuhnya terdiri daripada anak-anak buah kampung di daerah berkenaan termasuk mereka yang kurang berkemampuan.

Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada perancangan jangka panjang JDB untuk membuka peluang kepada MPMK menyertai tawaran sebut harga berkaitan pemeliharaan aset jabatan, di samping mempelopori projek perekonomian masyarakat.

Selain itu, ia juga diharap dapat menyediakan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada penduduk kampung melalui perkhidmatan yang mudah dilaksanakan.

JDB berharap lebih banyak MPMK akan menubuhkan syarikat-syarikat perniagaan dan seterusnya menyertai pelbagai tawaran projek yang disediakan sama ada oleh jabatan berkenaan mahupun agensi-agensi kerajaan yang lain.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim, Ketua-ketua Kampung Daerah Belait serta Pegawai-pegawai JDB.

PELITA BRUNEI

SILA IMBAS UNTUK KHUTBAH LENGKAP

JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA KEBERSIHAN DAN HARTA BENDA AWAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 11 RABIULAKHIR 1447H / 03 OKTOBER 2025M



Pada tahun ini, kita memperingati hari ulang tahun penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan kali yang ke-55



## PENUKARAN NAMA INI BUKAN SEKADAR SIMBOLIK, AKAN TETAPI MENCERMINKAN:

- Penghormatan terhadap pemimpin yang berwibawa dan amanah
- Tekad untuk menjadikan bandar ini selamat, bersih, cantik, sejahtera dan harmoni
- Usaha memperkukuh identiti Negara Zikir yang bersih secara fizikal dan rohaniah

Tanggungjawab kita hari ini sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bukan sekadar tinggal di dalamnya, tetapi juga **memelihara kebersihan dan menghormati kemudahan serta harta benda awam yang terdapat di dalamnya**



**Kebersihan menurut Islam melambangkan keimanan dan kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah kepada Allah S.W.T**



**Orang yang beriman seharusnya memiliki kesedaran untuk menjaga kebersihan dalam segala aspek kehidupannya**



**Sesungguhnya menghormati dan menjaga harta benda awam adalah amanah untuk kegunaan bersama**



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Tanggungjawab memelihara kebersihan dan harta benda awam




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

**Tafsirnya :** *"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras*".

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan kita sebuah negara yang aman damai, makmur, tenang dan indah, iaitu Negara Brunei Darussalam. Bandar Seri Begawan (BSB) adalah nama ibu negara kita yang sangat bermakna dalam ristaan sejarah.

Pada tahun ini, kita memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada BSB Kali Ke-55. Peristiwa penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB berlaku pada 4 Oktober 1970, secara rasminya, nama Bandar Brunei telah ditukar menjadi BSB sempena menghormati jasa dan kepimpinan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, ayahanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dikenali sebagai 'Arkitek Brunei Moden', yang telah berjasa besar membawa Negara Brunei Darussalam ke arah kemajuan, kemerdekaan dan peneguhan nilai-nilai Islam.

Sesungguhnya penukaran nama ini bukan sekadar simbolik, akan tetapi mencerminkan :

**Pertama :** Penghormatan terhadap pemimpin yang berwibawa dan amanah.

**Kedua :** Tekad untuk menjadikan bandar ini selamat, bersih, cantik, sejahtera dan harmoni.

**Ketiga :** Usaha memperkukuh identiti Negara Zikir yang bersih secara fizikal dan rohaniah.

Oleh itu, tanggungjawab kita hari ini sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bukan sekadar tinggal di dalamnya tetapi juga memelihara kebersihan dan menghormati kemudahan serta harta benda awam yang terdapat di dalamnya.

Agama Islam adalah agama yang sempurna dalam semua aspek kehidupan termasuklah juga dalam soal kebersihan. Kebersihan menurut Islam bukan sekadar menjadi budaya dalam kehidupan dan kemajuan bahkan juga melambangkan keimanan dan kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala amat suka orang yang sentiasa dalam keadaan bersih, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 :

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri*".

Tiadalah makna kita menamakan ibu negara kita dengan nama yang mulia, jika kita tidak menjaga kebersihannya. Tidak ada erti kemajuan bandar jika longkang tersumbat,sampah bertaburan dan tandas awam kotor serta rosak.

Sesungguhnya kebersihan tidak hanya dipandang sebagai perilaku, bahkan sebagai cerminan keimanan. Orang yang beriman seharusnya memiliki kesedaran untuk menjaga kebersihan dalam segala aspek kehidupannya. Oleh itu, menjaga kebersihan adalah tanggungjawab setiap individu. Daripada Abu Malik Al-Asyari Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Sesungguhnya kebersihan itu sebahagian daripada iman*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya agama Islam menekankan tanggungjawab individu dan masyarakat dalam menjaga kebersihan. Setiap individu harus memastikan kebersihan persekitaran mereka dan masyarakat pula harus bersatu padu dan bekerjasama untuk menjaga kebersihan.

Kebersihan bukan hanya tanggungjawab pihak kerajaan sahaja tetapi tanggungjawab setiap individu sama ada penduduk mahupun pelancong. Lebih-lebih lagi para peniaga dan pengunjung, sikap membuang sampah merata-rata, tidak menjaga kebersihan tandas, merosakkan taman atau papan tanda adalah antara perbuatan yang mencerminkan kurangnya akhlak dan kesedaran sivik.

Sesungguhnya menghormati dan menjaga harta benda awam adalah amanah. Harta benda awam seperti taman permainan, tempat letak kereta, tandas awam, papan tanda, bangunan kerajaan, perhentian bas, tong sampah dan lain-lain kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah amanah untuk kegunaan bersama.

Selain itu, merosakkan harta benda awam atau menggunakannya tanpa kebenaran, mencuri barang kemudahan kerajaan, memugut dan menconteng adalah pengkhianatan terhadap amanah masyarakat dan negara.

Akhirnya, marilah kita buktikan kecintaan kita kepada negara ini bukan sekadar dengan kata-kata, akan tetapi melalui tindakan iaitu dengan menjaga kebersihan, memelihara kemudahan awam dan menjadi rakyat yang berdisiplin serta bertanggungjawab. Semoga dengan demikian, kita dapat menikmati kehidupan dengan lebih selesa dan bahagia, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya berjayalah orang yang mensucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya*". (Surah Ash-Shams, ayat 9-10)

# KDNK catat penurunan 0.3 peratus

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus pada suku tahun kedua (Q2) 2025 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

KDNK menurun daripada BND4.64 bilion kepada BND4.63 bilion pada Q2 2025. Sektor minyak dan gas meningkat sebanyak 1.5 peratus, manakala, sektor bukan minyak dan gas mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus.

Peningkatan sektor minyak dan gas bagi Q2 2025 adalah terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran daripada telaga minyak sedia ada dan baharu. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli dan Gas Cecair Asli (LNG) menurun, berikutan aktiviti penyelenggaraan berjadual dan tidak berjadual.

Penurunan sektor bukan minyak dan gas adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan subsektor-subsektor, termasuk kewangan (15.3 peratus), lain-lain pembuatan (24.9 peratus), perdagangan borong dan runcit (3.7 peratus), dan perkhidmatan perniagaan (5.3 peratus).

Subsektor kewangan menurun, didorong terutamanya oleh penurunan pendapatan aktiviti perbankan berikutan kadar faedah global yang lebih rendah. Subsektor lain-lain pembuatan mencatatkan penurunan selaras dengan pengurangan aktiviti pembaikan produk logam, mesin, dan peralatan, berikutan projek penyelenggaraan minyak dan gas yang hampir selesai.

Begitu juga, subsektor perdagangan borong dan runcit turut mencatatkan penurunan selaras dengan penurunan permintaan domestik. Sementara itu, subsektor perkhidmatan perniagaan turut menurun selaras dengan pengurangan permintaan bagi perkhidmatan profesional, terutamanya aktiviti pengaturcaraan komputer.

Pada harga semasa, ekonomi pada Q2 2025 adalah sebanyak BND4.9 bilion, menurun daripada BND5.2 bilion pada Q2 2024. Sektor bukan minyak dan gas menyumbang sebanyak 50.5 peratus, termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia. Manakala, sektor minyak dan gas yang merangkumi perlombongan minyak dan gas, dan pembuatan LNG, menyumbang sebanyak 49.5 peratus.

Mengikut aktiviti ekonomi, sumbangan utama KDNK bagi Q2 2025 adalah sektor industri yang menyumbang sebanyak 62.9 peratus, diikuti sektor perkhidmatan (35.8 peratus), dan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (1.4 peratus).

Mengikut pendekatan perbelanjaan, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan meningkat sebanyak 12.0 peratus pada Q2 2025. Manakala, komponen lain mencatatkan penurunan, termasuk eksport bersih barangan dan perkhidmatan yang menurun sebanyak 9.5 peratus, pembentukan modal kasar (pelaburan aset fizikal) sebanyak 9.5 peratus, dan perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah 3.2 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q2 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui *deps.mofe.gov.bn*.

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 کالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 کالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ العَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يغ ممباوا كبراونتوغن ساغت بسر
## كڤد ڤغعملڽ ( تولق بلاء)

### (1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

### (2)

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

### (3)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

### (4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

### (5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# PLATFORM MEMUPUK HUBUNGAN KUKUH SALING MEMANFAATKAN KERJASAMA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama






YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir ke Sesi Talian Kasih tersebut (atas), manakala gambar atas kiri, program ini dilaksanakan secara dwibulanan melalui persidangan video dalam talian.

**SUNGAI AKAR,** Rabu, 1 Oktober. - Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah semata-mata, malah turut memainkan peranan penting sebagai pusat pembangunan ummah.

Seiring dengan fungsinya yang holistik, masjid menjadi wadah utama dalam memperkukuh ukhuwah Islamiah, menyemai nilai-nilai murni serta membentuk masyarakat yang berilmu dan berakhlak mulia.

Bagi memperkukuh jaringan kerjasama antara masjid di dalam dan luar negara, khususnya di rantau Borneo, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah menganjurkan Program Talian Kasih : Masjid-masjid Seborneo baru-baru ini.

Hadir ke Sesi Talian Kasih tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Inisiatif ini melibatkan penyertaan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta pegawai-pegawai masjid dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah dan Sarawak, Malaysia.

Program ini dilaksanakan secara dwibulanan melalui persidangan video dalam talian dan mula dilaksanakan pada bulan Februari lalu di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan kemudian di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong pada bulan April, seterusnya di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang pada bulan Julai.

Bagi edisi kali ini, program berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar. Objektif utama program ini ialah untuk mengeratkan silaturahim dan membina sokongan berterusan antara masjid-masjid serantau.

Selain itu, ia bertujuan memupuk hubungan kukuh agar dapat saling memanfaatkan kerjasama dan membuka ruang kepada pelaksanaan usaha dan projek bersama pada masa akan datang. Program ini juga menjadi platform bagi perkongsian maklumat dan ilmu secara berkala.

Pelaksanaan program ini diharapkan dapat memperkukuh jaringan kerjasama dalam usaha mempromosikan Pelancongan Islam (Islamic Tourism) bersama negara - negara di rantau Seborneo.

Dalam masa yang sama, ia menjadi wadah wacana ilmiah yang merapatkan hubungan persahabatan antara NBD dengan negara-negara jemputan.

Turut hadir, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB; Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Information Centre, Tazudin Mohtar; Pengerusi Masjid India, Kuching, Mohideen Abdul Kader, Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB serta wakil-wakil masjid dari Sarawak.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Mengatam Padi dan Pelancaran Produk Baja Cecair Pertama Keluaran Tempatan di Projek Kemajuan Penanaman Padi Kampung Junjongan 1 / Limau Manis (atas dan bawah).

# Memperkenalkan teknologi pertanian moden kepada belia

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**PENGKALAN BATU**, Rabu, 1 Oktober. - Agrodynamics Antarabangsa (B) Sdn. Bhd. dengan kerjasama InfoCom Federation Brunei (IFB) baru-baru ini menganjurkan Majlis Mengatam Padi dan Pelancaran Produk Baja Cecair Pertama Keluaran Tempatan di Projek Kemajuan Penanaman Padi Kampung Junjongan 1 / Limau Manis.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Muhammad Safwan bin Abdullah Bibi, yang juga turut serta dalam acara mengatam padi bersama para jemputan dan peladang tempatan.



Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengurus Am Agrodynamics, Awang Muhd. Izan Azwan bin Awang Yahya menjelaskan, majlis bertujuan meraikan hasil tuaian padi sambil memperkenalkan teknologi pertanian moden untuk menarik minat belia.

"Inilah satu langkah ke hadapan dalam menyokong agenda pertanian moden yang lebih mampan serta berdaya saing," ujarnya.

Sejurus itu, acara diteruskan dengan demonstrasi produk baja cecair tempatan pertama Negara Brunei Darussalam, DynamicsGrow oleh Penyelia Ladang, Awang Sazrin Addyfaid dan demonstrasi praktikal oleh Pengurus Am Agrodynamics.

Menurut Awang Sazrin Addyfaid, terdapat tiga jenis cecair produk baja yang direka khas untuk pertanian lebih subur, produktif dan berkualiti tinggi, iaitu DynamicsGrow Hi-N, Hi-K dan Terra Nutrio.

Produk Hi-N dan Hi-K mempunyai jenis pekat dan sedia digunakan. Antara kebaikan utama Hi-N adalah untuk merangsang pertumbuhan daun dan batang secara cepat dan sekata, meningkatkan kehijauan daun dan kesihatan tanaman serta




TERDAPAT tiga jenis cecair produk baja yang direka khas untuk pertanian lebih subur, produktif dan berkualiti tinggi, iaitu DynamicsGrow Hi-N, Hi-K dan Terra Nutrio.

mengurangkan masalah daun gugur.

Manakala kebaikan utama Hi-K adalah ia boleh mempercepatkan pematangan buah supaya lebih sekata, meningkatkan saiz, warna dan rasa buah serta meningkatkan ketahanan hasil selepas dituai.

Sementara produk ketiga ialah produk terbaru daripada Syarikat Agrodynamics Antarabangsa (B) Sdn. Bhd., iaitu Terra Nutrio, iaitu sejenis produk serbuk kasar bagi rawatan tanah di mana tiga kebaikan utama menggunakannya adalah untuk memperbaiki struktur tanah agar lebih subur dan gembur, meningkatkan kapasiti tanah menyimpan air dan nutrien serta menggalakkan aktiviti mikroorganisma tanah yang bermanfaat.

Dengan gabungan Hi-N, Hi-K dan Terra Nutria berkenaan, ia dapat membawa penyelesaian pertanian moden NBD yang cekap, produktif dan berkualiti tinggi.

Majlis turut dihadiri wakil dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Rimba Garden Central, Ben Foods, GoMamam serta pelbagai agensi lain.

Melalui usaha berkenaan, ia dihasrat dapat menyerlahkan lagi komitmen serta melahirkan bakat baharu dalam kalangan belia.

Kemuncak acara ialah mengatam padi bagi menandakan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta, Institusi Pengajian Tinggi dan komuniti tempatan bagi memajukan lagi sektor agromakanan negara.

# Khatam Al-Quran raikan 37 pelatih Program Jati Diri Kohort 9



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan menyampaikan sijil khatam kepada para penerima.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Jumaat, 3 Oktober. - Seramai 37 pelatih terdiri daripada 30 lelaki dan tujuh perempuan diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran Program Jati Diri Kohort 9 bagi Sesi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Kuliah Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Batu Apoi, Daerah Temburong, hari ini.

Majlis ini merupakan anjuran Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kolaborasi bersama Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kementerian Pendidikan.

Para peserta khatam merupakan sebahagian daripada 215 pelajar IBTE yang menjalani Program Jati Diri Kohort 9, dengan seramai 19 orang adalah bukan beragama Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan Takhtim yang diketuai oleh 1930 Pelatih Awangku Muhammad Hadi bin Pengiran Abdul Rahman dari Platun 2.

Sementara, bacaan Doa Khatam diketuai oleh oleh 1932 Pelatih Muhammad Safwan bin Abdullah Mohammad Sufian dari Platun 2.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban diketuai oleh Penolong - penolong Pegawai Keugamaan dan Kerohanian Program Jati Diri Kohort 9 dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh 1900 Muhammad Hakeme Yazid bin Said dari Platun 1.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil khatam kepada para pelatih Program Jati Diri yang disampaikan oleh tetamu kehormat bagi pelatih lelaki manakala Pengarah PPB bagi pelatih perempuan.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Azan antara platun-platun dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Majlis tersebut dihasratkan dapat menjadi wadah kepada para Pelatih Program Jati Diri untuk memantapkan amal ibadah dan sekali gus mengukuhkan ciri-ciri kerohanian, keimanan dan ketakwaan mereka sebagaimana yang telah ditanamkan di sepanjang mengikuti latihan Program Jati Diri.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk membentuk para pelatih sebagai belia yang mendukung konsep Negara Zikir. Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari PPB, JPM, IBTE, Kementerian Pendidikan dan KKBS.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Program Jati Diri Kohort 9 bagi Sesi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

# SEMINAR AI MEMPERKASA AGENDA TRANSFORMASI DIGITAL PERKHIDMATAN AWAM





SEMINAR yang diadakan bertujuan mengetengahkan aplikasi AI yang dapat meningkatkan kecekapan serta memudahkan proses kerja harian, di samping berkongsi isu semasa dan amalan terbaik dalam tadbir urus serta penyampaian Perkhidmatan Awam (atas dan atas kiri).

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**RIMBA**, Rabu, 1 Oktober. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA) hari ini menganjurkan seminar bertajuk 'AI in the Public Sector : Learning from Best Practices' yang menekankan peranan Kecerdasan Buatan (AI) dalam memperkasa transformasi digital dan inovasi sektor awam.

Seminar yang diadakan di institut berkenan, bertujuan mengetengahkan aplikasi AI yang dapat meningkatkan kecekapan serta memudahkan proses kerja harian, di samping berkongsi isu semasa dan amalan terbaik dalam tadbir urus serta penyampaian Perkhidmatan Awam.

Acara tersebut menampilkan dua sesi pembentangan daripada pakar dan pengamal antarabangsa dalam bidang AI dan tadbir urus.

Pembentangan pertama disampaikan oleh Sigrit Siht dan Adhele Tuulas dari Estonia bertajuk 'Deep Dive into Making AI Work in the Government of Brunei', manakala Profesor Prajapati Trivedi dari India membentangkan tajuk 'AI and Performance Management'.

Para pembentang turut mengongsikan beberapa templat kaedah perancangan dan pengurusan pihak berkepentingan yang relevan dengan penggunaan AI dalam sektor awam.

Sesi soal jawab interaktif turut diadakan bagi memberi peluang kepada para peserta berinteraksi secara langsung dengan pembentang mengenai peluang serta cabaran pelaksanaan AI dalam tadbir urus.

Seminar tersebut mencerminkan komitmen kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memperkukuh keupayaan sektor awam melalui inovasi, perkongsian ilmu dan kerjasama antarabangsa.

Dengan menimba pengetahuan daripada amalan terbaik global, negara berhasrat mempercepatkan transformasi digital sambil memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan serta berpaksikan rakyat.

Seminar separuh hari itu menghimpunkan lebih 200 peserta yang terdiri daripada pegawai kerajaan, institusi pengajian tinggi, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan sektor swasta.

Program berkenaan juga menggariskan komitmen IPA dalam melaksanakan inisiatif pembangunan kapabiliti serta memupuk kesiapsiagaan digital bagi menyokong agenda transformasi sektor awam NBD.

# MENYEMARAKKAN KECINTAAN TERHADAP SUNNAH RASULULLAH

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil hadir pada majlis tersebut (kiri). Manakala gambar kanan, ceramah bertajuk 'Menghidupkan Sunnah Dalam Era Digital : Peluang dan Cabaran' disampaikan oleh Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.**




**KATOK**, Khamis, 2 Oktober. - Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan panduan hidup sepanjang zaman yang merangkumi aspek ibadah, akhlak, dan cara berinteraksi.

Dalam era digital masa kini, umat Islam berdepan dengan peluang besar untuk menyebarkan serta mengamalkan sunnah melalui teknologi moden. Namun begitu, cabaran turut wujud seperti penyebaran maklumat yang tidak sahih dan kelalaian dalam penggunaan teknologi.

Oleh itu, menghidupkan sunnah di alam digital memerlukan kebijaksanaan agar ia terus menjadi panduan hidup umat Islam masa kini.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini telah menganjurkan Program 'Habibi Ya Rasulullah' yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dari JPI, para tenaga pengajar, serta 175 pelajar Sanah 7 dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok.

Acara yang berlangsung di Auditorium SUAMPRIPAHS, Kampung Katok berkenaan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Program turut diserikan dengan ceramah bertajuk 'Menghidupkan Sunnah Dalam Era Digital : Peluang dan Cabaran' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Acara seumpama berkenaan bertujuan untuk menyemarakkan kecintaan terhadap sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menekankan kepentingannya dalam kehidupan di era digital.




# Pencapaian 100 peratus kelulusan Peperiksaan SSSRU diraikan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 2 Oktober. - Majlis Muzakarah Akademik bersama pemimpin sekolah - sekolah ugama serta penyampaian Sijil Penghargaan bagi sekolah yang mencapai kelulusan 100 peratus dan Pangkat 1 dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Tahun 2024 berlangsung di Dewan Ar-Raudhah, Sekolah Ugama Lambak, Jalan Bedil, petang tadi.

Majlis berkenaan diadakan sebagai pemangkin semangat kepada para guru dalam usaha meningkatkan prestasi sekolah, di samping mencerminkan keprihatinan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) terhadap pencapaian sekolah-sekolah ugama di negara ini.

Inisiatif tersebut juga diharap dapat memperkasa kualiti akademik, sahsiah dan kokurikulum demi melahirkan pelajar yang unggul dalam pelbagai aspek kehidupan.

Majlis dimulakan dengan taklimat oleh Ketua Unit Akademik dan Peperiksaan, JPI, Dayang Sunarty binti Ahmad, yang menyentuh mengenai pencapaian akademik serta hala tuju pendidikan ugama.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada sekolah-sekolah ugama yang berjaya mencapai 100 peratus kelulusan dalam Peperiksaan SSSRU Tahun 2024.

Sebanyak 17 buah sekolah memperoleh kelulusan 100 peratus dengan Pangkat 1, manakala 25 buah sekolah mencatatkan 100 peratus kelulusan keseluruhan.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh tetamu khas, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Majlis diakhiri dengan harapan agar usaha berterusan seperti ini akan terus menyemarakkan semangat kecemerlangan dalam kalangan warga sekolah, sekali gus memperkukuh kualiti pendidikan ugama di negara ini.



**PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil hadir selaku tetamu khas majlis menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.**




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'. Tarikh Tutup : 8 Oktober 2025
2. 'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 15 Oktober 2025
3. 'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'. Tarikh Tutup : 22 Oktober 2025

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan Tawaran:**
39 / JPD / JKSH /
2025-2026

**Tajuk Projek:**
Upgrading And Digitalization Of Sikap Conference Room,
3rd Floor,
Jabatan Pengangkutan Darat Headquarters Beribi

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
37 / JPD / JKSH /
2025-2026

**Tajuk Projek:**
Kerja-Kerja Menaiktaraf Siling Bangunan Jabatan Pengangkutan Darat Cawangan Tutong

**Bilangan Tawaran:**
38 / JPD / JKSH /
2025-2026

**Tajuk Projek:**
Renovation And Upgrade Of Sikap Conference Room,
3rd Floor,
Jabatan Pengangkutan Darat Headquarters Building

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN BANDARAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 /
BPAK / 05

**Tajuk Tawaran:**
Pengurusan dan Pengendalian Gerai Malam Hujung Minggu (Weekend Night Market) di Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan Bagi Bulan November dan Disember sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei ke Bandar Seri Begawan Kali ke 55 Bagi Tahun 2025.

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh:**
Bahagian Pengurusan Aset Komersial
Tingkat 2,
Bangunan Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
Jabatan Perdana Menteri

**Nama Tawaran:**
Tawaran bagi Perkhidmatan Mesin Layan Diri 'Vending Machine Service'

**Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 67 /
BPKB / 08

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Rujukan:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 53 /
ADMIN / 04

**Tajuk Sebut Harga:**
Insurans Berkelompok Perlindungan Diri Seramai 146 Orang Pegawai Dan Kakitangan Yang Bertugas Di Luar Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:**
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:**
Kaunter Perkhidmatan,
Bahagian Pentadbiran, Tingkat 4,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan
Jalan Perdana Menteri

## JABATAN KAJICUACA
## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

جابتن كاجي چواچا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan / Pembekalan:**

**Kerja-Kerja Pembuatan Dan Pemasangan Papan Tanda Baharu Dan Kerja-Kerja Pembaikan Papan Tanda Sedia Ada Bagi National Automatic Weather Station (NAWS), Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**Bilangan Sebut Harga:**
JKBD / 2025 / SH-07

**Hari / Tarikh / Waktu Tutup:**
Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi

**Kepada;**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampong Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET /
08 / 2025-2026
Provision Of Repair Works For The Entire Building At The Animal And Plant Quarantine Control Post, Jalan Pangkalan Batu, Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat:**
Khamis,
9 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / JKSH / BTI / 03 /
2025-2026

**Tajuk Sebut Harga:**
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of Wireless Presentation System And Video Conferencing For Meeting Rooms In The Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
23 Oktober 2025
Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 111 / 2025 / 2026 [BPPA-OKT-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Café Bagi Pusat Perkhidmatan Setempat, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Enam (6) Bulan.

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu,18 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

### Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JPE / SBH / KOP / 298 / 2025

**Tajuk:**
Provision Of Security Guard Services For DES Batu Bersurat, Cable Yard Gadong, Main Store Gadong And Pasir Putih Sub-Store For 4 Months

**Tarikh Tutup:**
27 September 2025
Sabtu, Jam 9.00 Pagi

**Yuran Dokumen:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

### Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / PDP / 062 / 2025

**Tajuk:**
Construction Of Cable Bridge Across Sungai Menglait In Brunei-Muara District For Six Months

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**
BND50.00 Tidak Dikembalikan

**Tempat Tutup:**
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

### Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 062 / 2025

**Tajuk:**
Construction of Cable Bridge Across Sungai Menglait in Brunei Muara District for Six (6) Months

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 14 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**
BND50.00 Tidak Dikembalikan

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3,4 atau 5 dalam kategori KA01

### Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / BPP / 063 / 2025

**Tajuk:**
Replacement of Son / Street Lighting to LED Street Lighting at Highway Rimba and Tungku

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / BPP / 079 / 2025

**Tajuk:**
Laying of Low Voltage Cable in Bandar Seri Begawan Areas

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / BPP / 080 / 2025

**Tajuk:**
Replacement of Led Fittings and 8M to 12M Street Lighting Poles for Mukim Serasa and Mentiri

**Tarikh Tutup:**
14 Oktober 2025
Selasa,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Dokumen:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box Pengerusi Lembaga Tawara Kecil,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Diperkenalkan sebagai tema tiga tahun, ia berkembang seiring cabaran dan dinamika baharu yang dihadapi oleh PA. Pada tahun pertama, fokus diberi kepada ketangkasan institusi dalam menghadapi perubahan mendadak, terutama dalam peralihan kepada penyampaian digital pasca pandemik. Pada tahun kedua, tumpuan beralih kepada keperluan rakyat moden, menuntut perkhidmatan yang bukan sahaja cekap dan cepat tetapi juga telus, mudah diakses dan berintegriti tinggi.

Tahun 2025 membawa naratif yang lebih jelas dan berani bahawa masa hadapan PA akan digerakkan oleh transformasi digital dan inovasi, khususnya dalam penerapan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI). Teknologi ini bukan semata-mata alat, ia merupakan pemangkin keputusan yang lebih tepat, peningkatan kecekapan sistem, serta penyampaian perkhidmatan yang lebih berfokuskan rakyat (*citizen-centric*).

Lebih daripada itu, transformasi ini turut mencorak semula cara kita berinteraksi, antara kerajaan dan rakyat, serta antara agensi kerajaan itu sendiri. Pendekatan bersepadu seperti Whole of Government dan Whole of Nation bukan lagi sekadar slogan, tetapi satu keperluan asas dalam memastikan penyampaian yang menyeluruh, telus dan saling melengkapi.

Nilai keberdayatahanan dalam konteks ini membawa maksud keupayaan PA untuk terus beradaptasi, meramalkan cabaran dan bertindak secara proaktif, manakala nilai perpaduan merujuk kepada pentingnya kolaborasi lintas agensi, dalam membina sistem yang bukan sahaja responsif tetapi juga lestari.

Dalam konteks inilah, HPA bukan sekadar satu peringatan tahunan. Ia adalah satu cerminan aspirasi bersama untuk membina PA yang lebih dinamik, beretika dan berjiwa rakyat, selaras dengan impian besar Wawasan Brunei 2035.

### Pameran Khas PA : Meneroka transformasi digital

Sebagai sebahagian daripada kesinambungan tema tahun ini, Pameran Khas PA menjadi salah satu pengisian terpenting Sambutan HPA Ke-32. Pameran ini bukan sekadar paparan projek-projek kerajaan, tetapi lebih kepada sebuah naratif visual tentang bagaimana transformasi digital dan inovasi sedang membentuk wajah baharu PA Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pameran ini memfokuskan kepada evolusi program dan inisiatif kerajaan dalam menerapkan teknologi terkini, termasuk AI, bagi mempertingkatkan kecekapan, keterhubungan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Dengan pendekatan yang lebih berwawasan dan interaktif, ia memberikan gambaran jelas tentang hala tuju PA ke hadapan, khususnya dalam membina sistem yang lebih responsif dan berpaksikan rakyat.

Sebanyak 11 kementerian mengambil bahagian dalam Pameran Khas ini, memperlihatkan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan serta projek yang sedang dirancang. Kesemuanya menjurus kepada mendukung transformasi digital kerajaan dan penggunaan AI secara bertanggungjawab dan inklusif, seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Di ruang legar menuju Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, pameran ini dibahagikan kepada beberapa zon tematik. Antaranya termasuk Zon Hub Utama yang memaparkan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai transformasi digital dan AI, dasar-dasar tadbir urus teknologi serta pelan besar transformasi digital kerajaan. Zon-zon lain bertemakan 'Perjalanan Teknologi dalam Kerajaan', 'Kecemerlangan dalam Penyampaian Perkhidmatan', 'Pendidikan Kelas Pertama' dan 'Kesihatan Bertaraf Dunia Berteraskan AI', setiap satunya mempamerkan bagaimana teknologi dan AI telah mula mengubah sektor-sektor penting negara.

Dengan pendekatan ini, Pameran Khas PA bukan sahaja sebuah ruang pameran biasa, tetapi sebuah platform pembelajaran dan inspirasi, menunjukkan bahawa transformasi digital dan inovasi bukan lagi konsep masa hadapan, tetapi realiti yang sedang membentuk pengalaman rakyat hari ini.

### Persidangan PA : Wacana strategik ke arah masa depan perkhidmatan

Melengkapi keterujaan visual Pameran Khas, Persidangan PA yang berlangsung pada Selasa, 30 September 2025, telah menjadi satu medan pemikiran yang memperkasa, mempertemukan para penggubal dasar, pakar teknologi dan warga PA untuk menyelami secara lebih mendalam tema tahun ini : 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan AI dalam PA'.

Berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri, persidangan ini mengetengahkan dua sesi padat, ceramah ilmiah dan forum panel. Namun lebih daripada itu, ia menjadi platform strategik untuk memperhalusi hala tuju dan aspirasi digital negara, khususnya dalam mentransformasikan sistem penyampaian kerajaan secara menyeluruh dan bertanggungjawab.

Empat tokoh berwibawa dari Estonia, Singapura, India dan NBD, telah berkongsi pandangan serta pengalaman unik masing-masing, menjadikan persidangan ini satu pengalaman lintas perspektif yang sarat dengan inspirasi. Perbincangan meliputi topik-topik kritikal seperti penggunaan AI dalam menyokong kecekapan pentadbiran, cabaran etika dan privasi serta kerangka tadbir urus yang mampan.

Dengan lebih 600 penyertaan daripada pelbagai kementerian dan agensi tempatan, serta kehadiran secara maya dari Ahli-ahli ASEAN Public Service Training Institutes (ASEAN PSTI Network), persidangan ini benar-benar mencerminkan dimensi serantau yang semakin penting dalam memajukan PA era baharu. Kehadiran peserta ASEAN juga bertepatan dengan peranan NBD sebagai negara konvenor ASEAN PSTI Network bagi tempoh 2025 - 2026, sekali gus memperkukuh kedudukan negara sebagai peneraju pemikiran dalam transformasi sektor awam rantau ini.

Secara keseluruhannya, persidangan ini meninggalkan kesan yang mendalam, bukan sahaja dari segi kandungan dan pengisian, tetapi juga dari sudut iltizam kolektif yang jelas bahawa masa depan PA adalah digital, berpaksikan data dan ditunjangi oleh inovasi beretika yang berorientasikan rakyat.

### Melangkah bersama menuju masa hadapan PA

Keseluruhan pengisian Sambutan HPA Ke-32 tahun ini telah memperlihatkan satu tekad yang jelas untuk bergerak seiring perubahan dan mencorak masa hadapan PA NBD berlandaskan kemajuan teknologi dan nilai perpaduan. Perhimpunan seumpama ini bukan sahaja menjadi medan apresiasi terhadap sumbangan penjawat awam, tetapi juga menjadi ruang penting mencetuskan wacana dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap pembaharuan yang sedang diterokai bersama.

Transformasi digital dan inovasi yang dibawakan dalam pameran, persidangan serta penglibatan pelbagai agensi menggambarkan hala tuju baharu PA, yang lebih tangkas, telus dan berpaksikan rakyat. Dalam hal ini, penerapan teknologi seperti AI bukan sahaja mempercepatkan urusan, malah memperkasa dasar dan perkhidmatan berasaskan data, serta keperluan sebenar masyarakat. Pendekatan rentas sektor, penyepaduan pelbagai sistem dan portal serta tadbir urus digital yang beretika dan telus, kini menjadi tonggak penting dalam pembinaan sistem penyampaian perkhidmatan yang inklusif dan menyeluruh.

Inisiatif-inisiatif yang diketengahkan ini juga merupakan permulaan yang tepat pada masanya bagi menambah nilai kepada Sambutan HPA pada tahun-tahun yang akan datang, sebuah perjalanan berterusan ke arah reformasi yang lebih mantap dan menyeluruh. Dengan asas yang semakin kukuh dan semangat kerjasama merentas agensi, PA kini semakin bersedia untuk melangkah ke hadapan, bukan sekadar sebagai jentera pelaksana dasar tetapi sebagai pemacu utama kemajuan negara dalam era masa depan yang semakin kompleks dan mencabar.

Menjunjung titah dan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menekankan bahawa untuk mencapai matlamat PA, inovasi dan teknologi perlu menjadi kunci utama, PA NBD akan terus berusaha membina ketahanan, memperkukuh perpaduan dan memacu kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara yang berpanjangan.

# TAKLIMAT TINGKATKAN TAHAP KEWASPADAAN TERHADAP ANCAMAN SIBER

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TEMBURONG**, Rabu, 1 Oktober. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan terus proaktif dalam menyebarkan maklumat mengenai kesedaran jenayah siber yang menular di negara ini.

Salah satu inisiatif yang dilakukan adalah melalui taklimat yang diberikan kepada beberapa agensi kerajaan, agensi swasta dan sekolah-sekolah.

Sehubungan itu, BSJS telah dijemput bagi menyampaikan Taklimat Penipuan Dalam Talian bertempat di Kem Latihan Bakti Negara, Daerah Temburong, baru-baru ini.

Taklimat itu disampaikan oleh Koperal 4747 Syalihen bin Haji Ludin, anggota BSJS, Jabatan Siasatan Jenayah kepada 36 peserta dari Program Jati Diri Kohort 9 yang merupakan penuntut daripada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Satu lagi taklimat yang sama diadakan pada sebelah petang bertempat di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison yang disampaikan oleh Pegawai BSJS, Jabatan Siasatan Jenayah, Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad.

Peserta-peserta yang hadir telah diberikan penekanan untuk tidak mengongsikan maklumat peribadi ke mana-mana platform aplikasi media sosial dan sentiasa berwaspada dalam mengharungi era digital yang semakin canggih.

PPDB melalui BSJS akan terus mempergiatkan usaha-usaha pencegahan dengan memperluaskan lagi program kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat.




**TAKLIMAT Penipuan Dalam Talian bertempat di Kem Latihan Bakti Negara, Daerah Temburong, baru-baru ini.**

Inisiatif berterusan ini diharap dapat meningkatkan tahap kewaspadaan orang awam terhadap ancaman siber, sekali gus membantu mencegah serta mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah dalam talian demi menjaga keselamatan harta dan ketenteraman negara.

# Operasi Besi 1.0 sasarkan 11 syarikat kitar semula besi terpakai






**OPERASI Besi 1.0 menyasarkan 11 syarikat kitar semula besi terpakai di kesemua daerah di negara ini (atas dan kanan).**

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG**, Rabu, 1 Oktober. - Bagi menangani jenayah curi kabel yang berlaku di Negara Brunei Darussalam, Operasi Besi 1.0 telah dijalankan secara serentak pada pagi 30 September lalu di seluruh negara yang menyasarkan 11 syarikat kitar semula besi terpakai di kesemua daerah di negara ini.

Operasi dikendalikan oleh Task Force Kecurian Kabel Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang diketuai di setiap daerah oleh Pegawai Jenayah Daerah masing-masing. Turut serta dalam operasi berkenaan adalah pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).

Operasi adalah sebahagian daripada usaha berterusan PPDB dan pihak-pihak berkuasa dalam memberi kesedaran dan memastikan syarikat atau pusat kitar semula tidak sewenang - wenangnya menerima besi terpakai terutama sekali logam tembaga yang tidak diketahui dengan jelas asal usulnya.

Pihak syarikat dan pusat kitar semula juga telah ditegaskan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan besi terpakai yang diterima adalah sah dari segi undang-undang dan diperoleh daripada sumber yang betul.

Dalam masa yang sama, mereka juga ditegaskan untuk menyalurkan maklumat kepada PPDB mengenai pihak atau individu yang cuba untuk menjual logam atau besi terpakai yang dicurigai atau dipercayai hasil dari kegiatan curi.

Pembarigaan juga diberikan ke atas syarikat - syarikat mengenai kesalahan menerima dan menghapuskan barang curi di bawah Seksyen 411 dan 414, Kanun Hukuman Jenayah Bab 22 yang boleh membawa hukuman pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai lima tahun dan denda.

Selain daripada syarikat atau pusat kitar semula, PPDB juga telah mengenal pasti dan akan terus membuat operasi pemeriksaan ke atas pihak-pihak persendirian yang terlibat dalam pembelian dan penjualan besi-besi terpakai.

Orang ramai juga disarankan untuk menyalurkan apa jua maklumat yang berkaitan dengan kegiatan curi kabel atau aktiviti kitar semula yang mencurigakan kepada pihak PPDB.



BERITA GLOBAL

# VIET NAM : TAUFAN BUALOI RAGUT 34 NYAWA, KERUGIAN US$332 JUTA

**KUALA LUMPUR**, 2 Okt. - Sekurang-kurangnya 34 orang terkorban dan 140 lagi cedera akibat Taufan Bualoi yang melanda Viet Nam, meninggalkan jejak kemusnahan serta mengakibatkan kerugian ekonomi dianggarkan berjumlah kira-kira 8.78 trilion dong (US$332.51 juta).

Menurut Agensi Berita Viet Nam (VNA), taufan yang mendarat pada Isnin membawa hujan lebat, banjir, tanah runtuh dan angin kencang. Setakat 6 petang Rabu, 20 orang masih dilaporkan hilang.

Pihak Berkuasa Pengurusan Daik dan Bencana Viet Nam di bawah Kementerian Pertanian dan Alam Sekitar melaporkan taufan itu turut menyebabkan 153 rumah runtuh serta merosakkan atau menerbangkan bumbung 154,565 rumah yang lain.

Bagi sektor pertanian, 48,714 hektar sawah padi dan tanaman lain ditenggelami air atau musnah, 13,334 hektar akuakultur rosak manakala 383,091 ternakan dan unggas mati atau dihanyutkan banjir.

Di wilayah tengah Thanh Hoa, Nghe An, Ha Tinh dan Quang Tri, hampir 2.7 juta pelanggan mengalami gangguan bekalan elektrik.

Bekalan kuasa telah dipulihkan kepada lebih 1.93 juta pelanggan, manakala lebih 774,000 lagi masih terputus bekalan elektrik. Perkhidmatan telekomunikasi juga terjejas di beberapa kawasan.

Kerugian ekonomi awal dianggarkan sebanyak 75 bilion dong di Lao Cai, 528 bilion di Son La, 1.627 trilion di Nghe An, 6 trilion di Ha Tinh dan 550 bilion di Quang Tri. - ©BERNAMA

# Republik Rakyat China tekankan keperluan pelihara status PBB, perkukuh tadbir urus global

**BEIJING**, 1 Okt. - Keperluan untuk memelihara kedudukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan memperkukuh tadbir urus global kini menjadi konsensus masyarakat antarabangsa.

Jurucakap Kementerian Luar Republik Rakyat China (MFA) Guo Jiakun berkata demikian dalam sidang media pada Selasa susulan Inisiatif Tadbir Urus Global (GGI) mendapat pujian ramai pemimpin asing pada perbahasan umum sesi ke-80 Perhimpunan Agung PBB (UNGA) 2025.

Menurut beliau, GGI yang digagaskan Presiden Xi Jinping menjunjung lima prinsip utama iaitu menegakkan kesaksamaan kedaulatan, mematuhi undang-undang antarabangsa, mengamalkan multilateralisme, menggalakkan pendekatan berpaksikan rakyat dan menggariskan hala tuju jelas.

Ia menyediakan pendekatan praktikal bagi merungkai pelbagai cabaran dalam tadbir urus sejagat, katanya.

Guo menegaskan inti pati GGI adalah sejajar dengan Piagam PBB, sekali gus mencerminkan sokongan teguh Republik Rakyat China terhadap PBB serta aspirasi bersama masyarakat antarabangsa. - ©BERNAMA

# 8 maut, lombong emas runtuh di Republik Malawi

**LILONGWE**, 1 Okt. - Sekurang-kurangnya lapan orang terbunuh manakala lima lagi cedera selepas sebuah lombong emas runtuh pada Selasa di Kasungu, kira-kira 150 kilometer di utara ibu negara Republik Malawi, Lilongwe, lapor Xinhua.

Menurut penduduk, kejadian berlaku di pinggir Daerah Kasungu apabila seorang pelombong menggunakan mesin penggerudi untuk melombong emas, menyebabkan gegaran kuat di kawasan terbabit.

"Akibatnya, dinding satu daripada terowong runtuh dari ketinggian kira-kira 15 kaki (4.6 meter), menimbus pelombong yang berada di dalamnya," kata seorang ketua kampung.

Seramai 13 pelombong dilaporkan terperangkap tetapi berjaya diselamatkan kerana semuanya berada di lokasi sama ketika runtuhan berlaku.

Polis di Kasungu melaporkan mangsa termasuk lelaki, wanita dan remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun.

Jabatan Pengurusan Bencana Republik Malawi berkata ia telah menerima laporan kejadian danmengambil tindakan segera.

Walaupun terdapat sekatan kerajaan, aktiviti perlombongan emas tidak berlesen masih berterusan di beberapa kawasan di Republik Malawi, kebanyakannya dijalankan tanpa langkah keselamatan yang sewajarnya. - ©BERNAMA

# Penutupan kerajaan AS akibat Trump, demokrat gagal capai kata sepakat

**WASHINGTON**, 1 Okt. - Operasi kerajaan Amerika Syarikat (AS) terhenti awal Rabu selepas rundingan antara Presiden Donald Trump dan anggota Demokrat di Kongres bagi meluluskan pembiayaan kerajaan gagal mencapai kata sepakat, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Mereka mempunyai tempoh sehingga tengah malam Selasa untuk mencapai persetujuan, namun tarikh akhir itu berlalu dengan perbezaan ketara yang masih wujud.

Demokrat berusaha memasukkan pembaharuan penjagaan kesihatan dalam rang undang-undang belanjawan, termasuk pemansuhan sebahagian undang-undang cukai utama Trump yang mengurangkan pembiayaan Medicaid, serta lanjutan subsidi di bawah undang-undang penjagaan kesihatan quasi-universal AS, dikenali sebagai "Affordable Care Act".

Sebaliknya, Republikan menuntut resolusi kelangsungan tanpa sebarang pindaan kepada perbelanjaan sedia ada.

Dewan Perwakilan meluluskan rang undang-undang pada 19 Sept lalu untuk membiayai kerajaan pada tahap sedia ada sehingga 21 Nov, namun ia terhenti di Senat kerana Republikan tidak mempunyai jumlah kerusi mencukupi untuk melepasi halangan prosedur 60 undi bagi meluluskan undang-undang.

Penutupan kerajaan paling lama dalam sejarah AS berlangsung selama 35 hari dan berlaku semasa penggal pertama Trump.

Walaupun penutupan kerajaan tidak semestinya mencetuskan krisis ekonomi sepenuhnya, ia tetap menyebabkan gangguan besar terhadap pelbagai aspek kehidupan rakyat Amerika.

Ramai kakitangan persekutuan diminta bercuti tanpa gaji atau dipaksa bekerja tanpa bayaran, sementara sebahagian lagi diletakkan dalam cuti mandatori sehingga belanjawan baharu diluluskan.

Setiap agensi persekutuan mempunyai pelan penutupan sendiri bagi menentukan pekerja yang dianggap penting.

Tidak seperti penutupan sebelum ini, Trump mengugut untuk melakukan pemberhentian tambahan jika kerajaan ditutup.

Perkhidmatan seperti keselamatan sempadan, penjagaan hospital, kawalan trafik udara, penguatkuasaan undang - undang dan penyelenggaraan grid tenaga dianggap penting dalam penutupan sebelum ini, manakala manfaat seperti Keselamatan Sosial, Medicare dan Medicaid diteruskan.

Perkhidmatan imigresen, misalnya tidak terjejas kerana dibiayai oleh yuran bebas.

Bagaimanapun, beberapa perkhidmatan awam mungkin terjejas. Pemeriksaan alam sekitar dan makanan boleh boleh terganggu, sementara pemeriksaan kilang digantung sementara.

Taman negara mungkin ditutup dan kelewatan atau pembatalan penerbangan boleh berlaku kerana pegawai kawalan trafik udara dan keselamatan bekerja tanpa gaji.

Pelan kecemasan Biro Statistik Buruh menyatakan bahawa data ekonomi tidak akan diterbitkan sepanjang penutupan kerajaan, termasuk laporan non-farm payrolls yang dijadual dikeluarkan Jumaat ini. - ©BERNAMA

# Penyelamat keluarkan 5 mangsa terselamat dalam runtuhan bangunan sekolah di Jawa Timur

**JAKARTA**, 2 Okt. -Pasukan penyelamat mengeluarkan lima mangsa terselamat daripada runtuhan sebuah bangunan pondok pengajian Islam berasrama di Jawa Timur, Republik Indonesia ketika angka korban meningkat kepada lima orang, menurut pihak berkuasa.

Mereka ditemukan di Pondok Pesantren Al Khoziny di Buduran, Kabupaten Sidoarjo dalam operasi mencari dan menyelamat bersama yang diteruskan sehingga lewat Rabu malam, menurut Agensi Pengurusan Bencana Negara (BNPB).

Seorang daripada mereka berada dalam keadaan kritikal dan dikejarkan ke Hospital Sidoarjo bersama mangsayang lain, kata jurucakap BNPB Abdul Muhari dalam satu kenyataan pada Khamis.

Dua lagi mayat telah dikeluarkan dan dibawa ke Hospital Siti Hajar, sekali gus meningkatkan angka kematian kepada lima orang.

Abdul Muhari berkata data sementara menunjukkan 59 orang masih terperangkap, walaupun angka itu mungkin berubah kerana ada mangsa terselamat yang mungkin berada di luar kawasan ketika insiden itu berlaku dan masih belum melaporkan diri.

Pasukan penyelamat juga sedang mencari tanda-tanda kehidupan daripada seorang mangsa, tetapi memberi amaran bahawa struktur yang tidak stabil menjadikan penggunaan jentera berat agak berisiko, sambil menambah bahawa keluarga akan dirujuk sebelum menggunakan peralatan itu dalam usaha mencari dan menyelamat.

"Mangsa dipercayai berada di lokasi yang amat sukar, memerlukan strategi khas untuk memastikan keselamatan mangsa dan pasukan penyelamat," tambahnya.

Bangunan empat tingkat itu runtuh pada petang Isnin ketika kerja-kerja menuangkan konkrit di bahagian tingkat atas sedang dijalankan, menyebabkan pelajar dan pekerja tertimbus di bawah runtuhan dalam kejadian yang disifatkan pihak berkuasa berpunca daripada kegagalan struktur. - ©BERNAMA

# STGT rancang luaskan operasi, sasar jadikan Thailand hab global sarung tangan getah

**SONGKHLA**, 1 Okt. - Sri Trang Gloves Thailand (STGT), antara pengeluar sarung tangan getah asli dan nitril terkemuka dunia, kini meneroka peluang baharu untuk mengembangkan perniagaan serta memperkukuh kedudukan Thailand sebagai hab pengeluaran global sarung tangan getah.

Pengarah Eksekutif STGT, Veerasith Sinchareonkul berkata sebagai pengeluar terbesar sarung tangan perubatan di negara itu, pihaknya berharap Thailand dapat muncul sebagai pusat global bagi pengeluaran sarung tangan getah asli.

"Kumpulan ini sentiasa mencari peluang baharu untuk berkembang," katanya sambil menambah bahawa Sri Trang adalah jenama sarung tangan paling laris di Thailand merentasi pelbagai sektor termasuk kesihatan, perubatan, pemprosesan makanan dan pembuatan.

"Kami berbangga menawarkan sarung tangan lateks dan nitril berkualiti tinggi serta mampan yang menepati piawaian antarabangsa tertinggi," katanya kepada Bernama pada majlis lawatan Kor Diplomatik ke wilayah Songkhla.

Wakil daripada 21 negara yang menyertai program "Visit Songkhla" anjuran kerajaan Thailand dari 29 September hingga 1 Oktober turut melawat kilang STGT Cawangan Anvar di sini.

Veerasith berkata lawatan itu bukan sahaja memberi peluang terbaik untuk memperkenalkan potensi industri sarung tangan getah Thailand di peringkat antarabangsa, malah menjadi platform membina jambatan persahabatan dan memupuk kerjasama mampan antara negara.

STGT kini mengendalikan 14 fasiliti pengeluaran dan mengeksport produknya ke lebih 175 negara di seluruh dunia, katanya. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# SENI TANGLUNG MYANMAR : MENERANGI TRADISI, MEMELIHARA BUDAYA

**YANGON**, 3 Okt. - Menghiasi tanglung di rumah, restoran dan pasar raya di seluruh Myanmar untuk menyambut Perayaan Thadingyut adalah amalan budaya yang dihargai. Tanglung yang bercahaya bukan sahaja menceriakan malam tetapi juga membawa semangat memelihara seni kraf tradisional tanglung buluh Myanmar.

Dikenali sebagai Perayaan Cahaya, Thadingyut menandakan berakhirnya musim Puasa Buddha dan meraikan turunnya Buddha dari kayangan.

"Membuat tanglung adalah kehidupan saya selama beberapa dekad. Ia lebih daripada satu mata pencarian, ia adalah cara saya mengekalkan tradisi," kata U Phyu Lay, 70, yang berpengalaman lebih 46 tahun dalam membuat tanglung buluh.

"Pembuatan tanglung kini hampir pupus, tetapi demi kesinambungan budaya, kami tetap melakukannya," katanya.

Berbanding dahulu, pengeluarannya telah menurun sebanyak separuh. Tahun ini, lima keluarga beliau menghasilkan sekitar 1,000 tanglung dalam pelbagai reka bentuk, dengan kebanyakan pembeli datang dari pusat beli-belah dan restoran tidak sabar-sabar untuk menyokong usaha pemeliharaan budaya.

"Walaupun tanglung moden mendominasi pasaran, tanglung buluh buatan tangan masih nilai istimewa bagi mereka yang menghargai tradisi," kata U Phyu Lay.

"Pada masa lalu, seluruh kawasan Bawka di perbandaran Kyimyindaing, wilayah Yangon terlibat dalam membuat tanglung," jelasnya.

Kenaikan kos telah menambah cabaran, dengan harga sebatang buluh meningkat daripada 2,000 kyat (kira-kira USD0.95) kepada kira-kira 6,500 kyat (kira-kira USD3.09), katanya.

"Kami biasanya memulakan dua hingga tiga bulan sebelum Thadingyut, memotong buluh, mereka bentuk, dan menyediakan. Tetapi oleh kerana tanglung bukan lagi barangan penting, permintaan telah menurun," tambahnya.

Daw Khin Mar Kyi, 60, seorang lagi tukang tanglung buluh, berkata, "Saya memulakan kerja ini ketika saya berumur 15 tahun. Saya berasa gembira apabila saya menjual barangan yang saya hasilkan. Saya menghargai tindakan mengekalkan tradisi lebih daripada keuntungan."

"Mainan tanglung tangan tidak lagi laris seperti dahulu. Namun, saya percaya ibu bapa seharusnya membelinya sekurang-kurangnya setahun sekali untuk anak-anak mereka," katanya.

"Sesetengah kanak-kanak tidak pernah melihat mainan ini, dan ibu bapa harus memperkenalkannya supaya tradisi itu berterusan," tambahnya.

Injin, 35, berkata, "Saya membeli mainan tanglung tangan untuk anak saudara saya kerana mereka suka memegangnya semasa berjalan pada waktu malam semasa perayaan. Kami tidak memerlukan lampu suluh di Thadingyut kerana setiap rumah dinyalakan dengan lilin dan dihiasi dengan tanglung."

"Apabila saya melihat suasana ini, saya merindui zaman kanak-kanak saya. Pada masa itu, hampir setiap kanak-kanak di jalanan membawa mainan tanglung dan berjalan-jalan pada waktu malam. Mainan ini mengeluarkan bunyi yang ceria dan mengisi malam dengan cahaya dan kegembiraan. Tetapi kini, ia telah menjadi kurang biasa," tambahnya.

Ko Khant, 20, seorang pekerja hotel, berkata, "Saya membeli tanglung untuk menghiasi hotel untuk perayaan Thadingyut. Ia menerangi malam yang gelap, dan melambangkan sambutan turun Buddha dari syurga dengan cahaya."

"Tanglung ini lebih daripada hiasan; ia adalah peringatan hidup tradisi, dan semangat perayaan yang kekal," katanya.

Perayaan Thadingyut di Myanmar disambut selama tiga hari iaitu sehari sebelum, pada hari, dan sehari selepas bulan purnama. Tahun ini, hari bulan penuh Thadingyut jatuh pada 6 Oktober. - ©XINHUA



**TANGLUNG tradisional dipamerkan di kedai untuk Pesta Thadingyut di Yangon, Myanmar, 1 Oktober 2025.**

# Vaksinasi RSV bantu lindungi jantung lemah

**KUALA LUMPUR**, 3 Okt. - Virus sinsitium pernafasan (RSV), jangkitan lazim tetapi sering dipandang ringan dikenal pasti sebagai faktor tersembunyi yang boleh membahayakan jantung lemah, menurut Institut Jantung Negara (IJN).

RSV mungkin tidak kelihatan serius pada peringkat awal, namun ia boleh menyebabkan keradangan pada tubuh, memberi tekanan kepada paru-paru serta mencetuskan masalah jantung bagi individu yang sudah sedia menghidap penyakit jantung dengan analisis metakes RSV yang disahkan melalui makmal dalam kalangan orang dewasa menunjukkan sehingga satu daripada lima pesakit mengalami komplikasi kardiovaskular.

Ketua Jabatan Kardiologi IJN dan Pakar Runding Kardiologi Datuk Seri Dr Azmee Mohd Ghazi berkata pencegahan RSV perlu dilihat sebagai sebahagian daripada penjagaan kardiovaskular, khususnya bagi warga emas dan pesakit berisiko tinggi.

"Sebagai pakar kardiologi, kami sering berjumpa pesakit hanya selepas berlakunya krisis. Pengajaran yang ditunjukkan RSV adalah mudah, jika kita dapat mencegah jangkitan itu, kita mungkin dapat mengelakkan komplikasi jantung yang menyusul," katanya dalam kenyataan sempena Hari Jantung Sedunia yang disambut pada 29 Sept setiap tahun.

IJN memaklumkan Kenyataan Konsensus Klinikal 2025 Persatuan Kardiologi Eropah turut menekankan vaksinasi sebagai satu bentuk baharu pencegahan kardiovaskular, khususnya bagi warga emas dan mereka yang menghidap penyakit jantung.

Menurut kenyataan IJN itu penyakit kardiovaskular kekal antara punca utama kematian di Malaysia, dengan data rasmi menunjukkan penyakit jantung iskemia menyumbang antara 15 hingga 18 peratus kematian dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bersilih ganti dengan radang paru-paru.

IJN memaklumkan Malaysia telah mengambil langkah ke hadapan dengan meluluskan penggunaan vaksin RSV bagi golongan dewasa berusia 50 tahun ke atas, dengan penggunaan tambahan bagi kumpulan berisiko tertentu di beberapa bidang, sekali gus menyediakan pakar perubatan dan keluarga dengan kaedah konkrit untuk bertindak sebelum peningkatan kes virus respiratori ketika musim monsun.

"Vaksinasi RSV memberi kita satu pendekatan baharu. Bagi seorang warga emas yang menghidap hipertensi dan kolesterol tinggi, satu jangkitan dada yang teruk boleh membawa kepada kemasukan ke hospital akibat kegagalan jantung.

"Mengambil vaksinsebelum musim RSV merupakan langkah berasaskan rasional untuk melindungi paru-paru dan jantung," kata Dr Azmee sambil menambah bahawa RSV wujud sepanjang tahun di Malaysia.

Menurut kenyataan itu, pembuat dasar perlu mengintegrasikan vaksinasi RSV ke dalam strategi penuaan sihat dan penyakit tidak berjangkit (NCD), bermula dengan golongan berusia 60 tahun ke atas serta individu yang menghidap penyakit kardiovaskular.

IJN memaklumkan penyedia perkhidmatan kesihatan perlu menganggap vaksinasi RSV sama seperti suntikan influenza dan pneumokokal dalam pelan rawatan berasaskan risiko bagi dewasa dan warga emas yang menghidap penyakit jantung, manakala keluarga pula dinasihatkan supaya berunding dengan doktor mengenai vaksinasi awal untuk ibu bapa atau datuk dan nenek berusia lebih 60 tahun sebelum bulan penularan tinggi.

"Pencegahan menjadi lebih berkesan apabila dilakukan secara berlapis. Pematuhan pengambilan ubat, pemakanan sihatdan senaman kekal penting. Penambahan vaksinasi khusus terhadap RSV membantu menutup jurang berbahaya bagi warga emas di Malaysia," kata Dr Azmee. - ©BERNAMA

# Filipina umumkan kerangka kerja bagi integrasi tenaga nuklear

**MANILA**, 3 Okt. - Jabatan Tenaga (DOE) Filipina mengeluarkan satu kerangka kerja komprehensif untuk mengintegrasikan tenaga nuklear ke dalam campuran penjanaan kuasa negara itu pada Khamis, lapor Xinhua.

Setiausaha Tenaga Sharon Garin menandatangani pekeliling jabatan yang secara rasmi mewujudkan asas dasar bagi loji kuasa nuklear (NPP) pertama Filipina yang bakal dibangunkan dan dikendalikan secara komersial, yang dikenali sebagai NPP Perintis.

"(Kerangka kerja ini) bukan sekadar dokumen dasar; ia adalah isyarat pelaburan," kata Garin.

"Dengan mewujudkan peraturan yang jelas untuk integrasi tenaga nuklear, kami memberikan keyakinan kepada pelabur, rakan kongsi dan pihak berkepentingan yang Filipina bersedia untuk mengguna pakai tenaga nuklear secara bertanggungjawab dan strategik sebagai sebahagian daripada peralihan kepada tenaga bersih," tambahnya.

Beliau berkata tenaga nuklear akan melengkapi tenaga boleh diperbaharui dengan menyediakan kapasiti beban asas yang stabil dan boleh dipercayai, bagi memastikan ekonomi Filipina mempunyai keselamatan tenaga yang diperlukan untuk berkembang sambil memenuhi matlamat iklim.

Di bawah pekeliling itu, NPP Perintis akan dianggap sebagai kemudahan beban asas dan diberikan keutamaan dalam penyaluran tenaga secara berkoordinasi dengan DOE, Pengendali Pasaran Bebas dan Pengendali Sistem, tanpa mengira teknologi nuklear yang digunakan.

Langkah ini memastikan persekitaran pelaburan yang kompetitif bagi NPP Perintis, sekali gus membuka jalan bagi pembangunan nuklear yang seterusnya demi mengukuhkan keselamatan tenaga jangka panjang negara.

Garin menegaskan, NPP Perintis akan menjadi projek asas, bukan sahaja dalam mempelbagai campuran tenaga negara tetapi juga dalam mewujudkan kerangka kerja yang kukuh yang menarik kepada pelabur tempatan dan antarabangsa. - ©BERNAMA

## 11 lagi kapal belayar ke Gaza cabar sekatan Israel

**ISTANBUL**, 3 Okt. - Sebanyak 11 lagi kapal sedang belayar menuju Semenanjung Gaza bagi mencabar sekatan Israel yang berlarutan selama bertahun-tahun, menurut pertubuhan antarabangsa Freedom Flotilla Coalition (FFC) pada Khamis.

FFC dalam satu kenyataan berkata dua bot yang mengibarkan bendera Itali dan Perancis berlepas dari Otranto, Itali pada 25 Sept dan disertai kapal Conscience pada 30 Sept, lapor Anadolu Ajansi.

Menurut FFC, kapal-kapal berkenaan dijangka bergabung dengan satu lagi konvoi lapan buah bot, "Thousand Madleens to Gaza," dalam tempoh beberapa jam lagi. Kedua-dua kumpulan itu akan membentuk konvoi 11 kapal menuju Gaza.

Menurut gabungan itu, kira-kira 100 orang berada di atas kapal berkenaan, yang kini berada di perairan Crete.

FFC, yang ditubuhkan pada 2008 telah melancarkan puluhan misi untuk menghantar bantuan dan menarik perhatian global terhadap krisis kemanusiaan di Semenanjung Gaza yang dikepung Israel.

Konvoi baharu ini berlepas sehari selepas pasukan tentera laut Israel menyerang dan merampas 42 bot yang belayar ke Gaza untuk mencabar sekatan Israel serta menahan lebih 450 aktivis di atas kapal.

Israel sebelum ini telah menyerang kapal menuju Gaza, merampas kargo mereka dan menghantar pulang aktivis yang berada di atas kapal.

Rejim itu mengekalkan sekatan ke atas Gaza yang dihuni hampir 2.4 juta penduduk selama hampir 18 tahun dan mengetatkan lagi sekatan pada Mac lalu apabila menutup lintasan sempadan serta menghalang penghantaran makanan dan ubat-ubatan, menyebabkan wilayah itu terjerumus ke dalam kebuluran.

Sejak Oktober 2023, pengeboman Israel telah meragut nyawa lebih 66,200 penduduk Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan kumpulan hak asasi berulang kali memberi amaran bahawa wilayah itu tidak lagi boleh didiami, dengan kebuluran dan penyakit merebak pantas. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI



# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# DPMM FC TEWASKAN MELAKA FC

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin, Tangkap Layar RTBGo**



**DPMM FC mencatat kemenangan sulung dalam saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 setelah menewaskan Melaka FC, 1 – 0.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Hasrat DPMM FC untuk mencatat kemenangan sulung dalam saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 akhirnya terhasil setelah menewaskan Melaka FC, 1 – 0 pada aksi yang berlangsung di Stadium Hang Jebat, Melaka, baru-baru ini.

Kapten DPMM FC, yang juga penjaga gawang, Haimie Abdullah Nyaring muncul wira bagi pasukannya apabila bermain cemerlang menyelamatkan dua sepakan penalti daripada pasukan tuan rumah.

Melaka FC tampil garang sejak awal perlawanan separuh masa pertama dan hampir membuka jaringan pada minit ke-8 menerusi sepakan Azim Rahim, namun percubaannya terkena tiang gawang.

Pengadil, Zam Azwan Khan memberikan Melaka FC sepakan penalti setelah memeriksa melalui rakaman VAR insiden pertembungan antara Fairuz Zakaria dan Aiman Danish di hadapan pintu gawang DPMM FC.

Namun Azim Rahim yang dipertanggungjawabkan menyempurnakan sepakan penalti itu gagal memanfaatkannya apabila rembatannya berjaya diselamatkan oleh Haimie Abdullah Nyaring.

Gol tunggal DPMM FC kemudiannya tercipta pada minit ke-36 melalui sepakan penalti yang disempurnakan oleh penyerang import, Jordan Murray, apabila rembatan ke kiri gawang menewaskan penjaga gawang Melaka FC, Haziq Aiman.

Sepakan penalti tersebut dihadiahkan oleh pengadil kepada DPMM FC setelah hantaran bola dari sudut kiri gawang oleh Tommy Mawat terkena tangan pemain tuan rumah, Irfan Zakaria pada perebutan bola dalam kotak penalti.

Babak kedua menyaksikan Melaka FC cuba bangkit dengan beberapa percubaan berbahaya, namun kekuatan jentera benteng pertahanan DPMM FC berhasil mengekang asakan-asakan berkenaan.

Pasukan tuan rumah sekali lagi diberikan sepakan penalti setelah pemain pasukan pelawat, Miguel Oliveira menjatuhkan Afeeq Iqmal dalam kotak penalti pada minit ke-61.

Namun, penjaga gawang DPMM FC sekali lagi menafikan sepakan penalti Melaka FC itu yang dijaringkan oleh Danilo Silva, sekali gus menambah kekecewaan penyokong-penyokong tuan rumah.

Meskipun skuad bimbingan Ketua Jurulatih, Jamie McAllister itu terpaksa bermain sembilan orang setelah Jordan Rodrigues dan Miguel Oliveira dilayangkan kad merah pada penghujung babak kedua permainan, namun DPMM FC berjaya mempertahankan benteng mereka daripada dibolosi dan kedudukan kekal 1 - 0 sehingga wisel penamat dibunyikan.

Ketua Jurulatih DPMM FC, berkata, pujian harus diberikan kepada anak buahnya yang telah berjuang sehabis-habisnya selama beberapa minggu ini hingga berhasil mencipta kemenangan sulung dan membawa pulang tiga mata berharga.

"Dua sepakan penalti yang berjaya diselamatkan oleh Haimie Abdullah Nyaring adalah sangat luar biasa. Secara keseluruhan, permainannya selaku kapten pasukan adalah sangat cemerlang," ujarnya gembira.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Melaka FC, K. Devan menzahirkan kekecewaannya dengan permainan anak didiknya pada malam itu.

"Dari segi kualiti dan persembahan dan peluang - peluang yang kita cipta, seharusnya kita boleh menang perlawanan ini, namun nasib tidak menyebelahi Melaka FC," tegasnya.

Kemenangan sulung tersebut sekali gus melonjakkan DPMM FC dari tangga terbawah liga ke kedudukan sembilan dengan mengumpul 4 mata mengatasi Melaka FC di tangga ke-10 dengan 3 mata.

Cabaran DPMM FC seterusnya akan berdepan pasukan pendahulu liga musim ini, Johor Darul Takzim (JDT) pada 25 Oktober di Stadium Sultan Ibrahim, Johor.

# Platform Yakin Sport wahana kejayaan sukan tanah air

**Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Yakin Sport menjadi platform untuk membantu membarigakan dan mempromosi pelbagai jenis sukan tanah air. Yakin Sport akan menghimpunkan liputan aktiviti-aktiviti dan kejohanan sukan semua peringkat kebangsaan dan akan dilaratkan ke peringkat antarabangsa.

Pegawai Eksekutif Yakin Sport, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey menjelaskan sedemikian pada Majlis Pelancaran Yakin Sport yang berlangsung di HiTUNE Group of Companies, di sini.

Tambahnya, Yakin Sport akan menjadi jambatan penghubung antara komuniti sukan dari peringkat akar umbi dan ke pentas kebangsaan yang akan melakar sejarah dalam liputan sukan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Ini adalah langkah kita untuk memperluaskan impak sukan secara lebih inklusif, termasuk sukan paralimpik dan e-Sukan yang semakin popular," ujarnya.

Beliau percaya platform berkenaan menjadi satu wahana yang menyatukan masyarakat, membina semangat kesukanan serta melahirkan bakat-bakat yang mampu mengharumkan nama negara.

Dengan adanya platform ini, ia juga boleh menjadi rujukan setiap pencapaian, detik penganjuran dan lebih menarik kejayaan yang pasti menjadi perhatian dan dihargai.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan platform Yakin Sport ialah Penasihat Yakin Sports, Mejar (B) Muhammad Talib bin Muhammad Tahir yang juga selaku Setiausaha Agung Persatuan Kayak Kebangsaan Brunei Darussalam. Juga hadir, Pengerusi HiTUNE Group of Companies dan Yakin Sport, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.




**MAJLIS Pelancaran Yakin Sport yang berlangsung di HiTUNE Group of Companies.**

## Tahukah Awda

**KEMPEN** Earth Hour merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Tabung Alam Sedunia WWF (World Wide Fund for Nature) yang disambut setiap tahun pada Sabtu terakhir, bulan Mac. Kempen Earth Hour mula diadakan di negara ini pada Mac 2010, bagi sama-sama menyokong seruan dana sejagat, World Wide Fund (WWF) yang telah memperkenalkan kempen berkenaan pada Mac 2007 yang antara lainnya untuk sama-sama berjimat tenaga dengan mematikan lampu selama satu jam pada setiap penghujung bulan Mac bagi memberikan kesedaran atas perubahan iklim global.

**SUMBER :** *Pelita Brunei.*